BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan Kewangan

Separuh Pertama

2023



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2023 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 30 Jun 2023 atau dinyatakan sebaliknya.

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2023

9 Risiko Pasaran
11 Risiko Kredit
22 Risiko Operasi

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

25 Sektor Perbankan
36 Sektor Insurans dan Takaful

Tambahan

Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama Tahun 2023

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan meskipun volatiliti pasaran global ketara

Tekanan pasaran kewangan menurun sejak akhir bulan Mac apabila tekanan sektor perbankan global mereda

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Keadaan pasaran domestik terus kekal teratur, disokong oleh beberapa faktor utama

1. Pasaran modal domestik yang pelbagai dan cair
2. Pengurusan risiko pasaran yang aktif dan strategi lindung nilai oleh institusi kewangan
3. Pelabur institusi domestik berdaya tahan
4. Dedahan pertukaran asing yang terurus dan penampan pertukaran asing yang mencukupi

Aktiviti perniagaan dalam negeri bertambah baik namun perniagaan terus menghadapi persekitaran operasi yang mencabar

Sektor perniagaan secara keseluruhan kekal kukuh dari segi kewangan...

5.5x
Nisbah perlindungan faedah (ICR)
(S4 2022: 6.5x)

1.5x
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (CASTD)
(S4 2022: 1.4x)

20.6%
Nisbah hutang kepada ekuiti
(S4 2022: 22.5%)

...namun dalam sesetengah sektor, terdapat sebahagian besar syarikat yang masih menghadapi risiko ketara akibat kos input yang tinggi dan permintaan luaran yang lemah

Bahagian syarikat berisiko[1]

26.0% Perniagaan keseluruhan
(S4 2022: 26.5%)

41.1% Pembinaan
(Purata 2015-2019: 23.5%)

24.1% Perkilangan
(Purata 2015-2019: 18.1%)

[1] Syarikat berisiko merujuk syarikat yang mempunyai nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan sebanyak dua kali.

PKS lebih terjejas tetapi risiko kredit kekal terurus

Pinjaman terjejas PKS meningkat selaras dengan jangkaan bank-bank...

3.0% Nisbah Pinjaman Terjejas PKS
(Dis 2022: 2.9%)

...didorong oleh syarikat dalam sektor borong dan runcit, pembinaan dan pertanian

	Pinjaman Tertunggak[2] (% pinjaman PKS kepada sektor)	Pinjaman PKS terkumpul (% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan)
Borong dan runcit	1.8	5.1
Pembinaan	4.5	2.1
Pertanian	6.2	0.5

[2] Merujuk pinjaman tertunggak 3 bulan atau lebih, bersamaan dengan pinjaman tertunggak melebihi 90 hari.

Risiko tidak dijangka akan menyebabkan kemerosotan kualiti kredit yang meluas

12.4% Nisbah pinjaman PKS tahap 2
(Dis 2022: 12.8%)

5.5% PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman
(Dis 2022: 5.6%)

0.1% Pendaftaran baharu bagi bantuan bayaran balik pinjaman oleh PKS
(Dis 2022: 0.3%)

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang terus disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah yang stabil

Pinjaman dengan risiko kredit yang lebih tinggi dan berada di bawah bantuan bayaran balik pinjaman terus menurun

Nisbah Pinjaman Tahap 2
(Dis 2022: 6.7%)

4.6%

Hutang di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman
(Dis 2022: 1.9%)

1.7%

Kapasiti pembayaran balik hutang dan penampan kewangan kekal kukuh dan secara keseluruhannya stabil

Nisbah Khidmat Hutang Terkumpul (Median)
(Dis 2022: 37%)

36%

Nisbah Khidmat Hutang yang baru diluluskan (Median)
(Dis 2022: 43%)

42%

Nisbah Aset Kewangan kepada Hutang
(Dis 2022: 2.1x)

2.1x

Permodalan institusi kewangan kekal kukuh dengan penampan yang teguh untuk menyokong aktiviti pengantaraan kewangan

Penampan modal dan mudah tunai sistem perbankan kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum

18.5% Nisbah Jumlah Modal *(Dis 2022: 19.0%)*

117% Nisbah Pendanaan Stabil Bersih *(Dis 2022: 118%)*

154% Nisbah Perlindungan Mudah Tunai *(Dis 2022: 152%)*

Bank-bank terus mengekalkan penampan peruntukan yang berhemat untuk menyerap potensi kerugian yang tidak dijangka

1.8% Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar *(Dis 2022: 1.7%)*

115.8% Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman[3] *(Dis 2022: 118.6%)*

Permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh melebihi paras pengawalseliaan minimum

225% Nisbah Kecukupan Modal *(Dis 2022: 226%)*

Institusi kewangan terus menggiatkan usaha untuk memerangi ancaman siber dan kewangan, serta membuat penyelarasan dengan matlamat kelestarian

Langkah-langkah balas yang mantap dilaksanakan untuk mengatasi ancaman penipuan

Mempertingkatkan keupayaan untuk mengesan dan mendapatkan kembali wang yang dicuri berikutan penubuhan Pusat Respons Scam Kebangsaan

- *Talian penting (hotline) 997 memudahkan usaha untuk mengesan aktiviti penipuan dan memberikan amaran tentang akaun keldai (mule accounts)*
- *Lebih 40,000 akaun keldai ditumpaskan oleh institusi kewangan sejak bulan Oktober 2022*

Memperkukuh kehendak Pengurusan Risiko dalam Teknologi (RMiT) untuk memberikan perlindungan terhadap risiko daripada penggunaan awan dan memperteguh pertahanan e-perbankan terhadap jenayah siber

Institusi kewangan juga menyelaraskan operasi perniagaan dengan matlamat alam sekitar dan kelestarian

Penerapan dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario

Menambah baik penyelesaian pembiayaan hijau serta keputusan pelaburan dan pemberian pinjaman yang mengambil kira kesan alam sekitar

Pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT)

Meningkatkan ketekalan dalam pengenalpastian dan pengelasan kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada daya tahan iklim

Penubuhan Kumpulan Fokus PKS oleh Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3)

Meningkatkan kesedaran, mengurangkan kos peralihan untuk pensijilan hijau dan memudahkan penzahiran yang lebih baik oleh PKS

[3] Termasuk rizab pengawalseliaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Pada separuh pertama tahun 2023, pasaran kewangan global terus dipengaruhi dengan ketara oleh peralihan jangkaan berhubung dengan perkembangan dalam ekonomi utama yang mungkin memberikan petanda akan berlaku perubahan pada haluan dasar monetari. Baru-baru ini, kemerosotan dalam sektor harta tanah dan kadar pemulihan ekonomi yang lebih perlahan daripada jangkaan di China turut menyumbang kepada volatiliti pasaran kewangan. Tahap tekanan pasaran domestik telah menurun sejak akhir bulan Mac apabila kebimbangan penularan yang dikaitkan dengan tekanan sektor perbankan global telah berkurang. Walau bagaimanapun, tahap tekanan pasaran domestik menunjukkan sedikit peningkatan menjelang akhir bulan September berikutan jangkaan bahawa Federal Reserve AS (Fed) akan mengekalkan kadar faedah yang lebih tinggi untuk jangka masa yang lebih lama. Meskipun begitu, tahap tekanan kekal jauh di bawah tahap tertinggi yang dicatatkan semasa permulaan pandemik pada bulan Mac 2020. Keadaan pasaran domestik kekal teratur, disokong oleh aliran dua hala dalam pasaran bon dan ekuiti. Keadaan pasaran wang antara bank juga bertambah baik berikutan permintaan pembiayaan hujung tahun bermusim oleh bank yang semakin reda serta jangkaan kenaikan OPR yang semakin berkurang. Dalam pasaran pertukaran asing domestik (*foreign exchange,* FX), ringgit terus dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan luaran. Dedahan risiko FX dalam sektor korporat dan perbankan kekal terurus, disokong oleh penampan aset mudah tunai FX yang besar di bank-bank dan dedahan FX syarikat korporat yang sebahagian besarnya dilindung nilai.

Aktiviti perniagaan dalam negeri telah meningkat dengan ketara. Walau bagaimanapun, sesetengah sektor terus berdepan dengan cabaran yang timbul berikutan kos input yang tinggi dan permintaan luaran yang lemah. Sektor perniagaan pada amnya terus berdaya tahan menghadapi cabaran-cabaran ini. Ukuran-ukuran keupayaan membayar balik hutang secara keseluruhan kekal kukuh, manakala bahagian syarikat yang berisiko juga telah menurun. Peningkatan penampan mudah tunai yang lebih kukuh semasa pandemik terus menyokong daya tahan perniagaan.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) lebih terjejas berikutan keadaan operasi yang mencabar, walaupun risiko baru muncul yang dihadapi oleh PKS dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, pembinaan dan pertanian adalah dalam lingkungan jangkaan bank-bank. Jumlah pinjaman PKS yang dikenal pasti mempunyai risiko kredit lebih tinggi (diklasifikasikan sebagai Tahap 2) kekal merangkumi sebahagian kecil (2.1%) daripada pinjaman sistem perbankan keseluruhan. Kebanyakan PKS yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman juga berupaya meneruskan bayaran balik pinjaman mereka. Kualiti kredit pinjaman perniagaan keseluruhan adalah kukuh dengan pinjaman terjejas kekal rendah (1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan). Pada masa hadapan, ketidaktentuan prospek pertumbuhan global dan dalam negeri serta cabaran terhadap kos dijangka berterusan dalam tempoh terdekat. Risiko dan peluang berkaitan iklim juga merupakan faktor yang semakin penting dalam pertimbangan perniagaan. Kebanyakan perniagaan dijangka lebih bersedia untuk bertindak balas terhadap kemungkinan kejutan baharu memandangkan kedudukan leveraj perniagaan yang lebih baik, penampan tunai yang kukuh dan model perniagaan yang lebih tangkas.

Daya tahan isi rumah terus disokong oleh keadaan pendapatan dan guna tenaga yang bertambah baik. Median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income,* DTI) untuk isi rumah secara keseluruhan adalah stabil pada 1.4 kali berikutan standard pemberian pinjaman yang kekal kukuh oleh bank-bank. Ukuran lain bagi keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah juga menunjukkan risiko baharu yang terhad, dengan median nisbah khidmat hutang (*debt service ratio,* DSR) untuk pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan terkumpul kekal berhemat, masing-masing pada 42% dan 36%.

Selain itu, bahagian pinjaman isi rumah di bawah Tahap 2 terus menurun kepada 4.6% (atau 2.7% daripada pinjaman sistem perbankan) daripada 6.7% pada bulan Disember 2022. Bank-bank menjangkakan sedikit kemerosotan kualiti aset dalam kalangan peminjam berisiko lebih tinggi berikutan kos peminjaman yang lebih tinggi di samping berakhirnya program bantuan bayaran balik pinjaman sedia ada yang dilaksanakan semasa pandemik. Hal ini termasuk peminjam berpendapatan lebih rendah dan pekerja dalam sektor perniagaan yang terus menghadapi cabaran daripada persekitaran luar. Bank-bank terus berwaspada terhadap risiko-risiko ini dan menjangkakan sebarang kemerosotan adalah dalam lingkungan peruntukan dan penampan modal sedia ada.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh. Jumlah nisbah modal sistem perbankan berada pada 18.5% pada hujung bulan Jun 2023, dengan penampan modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum sebanyak RM138.5 bilion. Bank-bank juga terus mengekalkan penampan mudah tunai yang kukuh bagi memastikan daya tahan terhadap kejutan mudah tunai jangka pendek dan jangka lebih panjang. Agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih kekal jauh melebihi tahap pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 154.4% dan 117.0%. Sementara itu, keuntungan bank-bank meningkat pada kadar yang lebih sederhana dalam tempoh ini berikutan kos pembiayaan yang lebih tinggi. Keuntungan bank-bank terus didorong oleh pertumbuhan pinjaman dan sebahagiannya oleh aktiviti perdagangan dan pelaburan. Kos kredit tahunan telah kembali ke paras sebelum pandemik, walaupun bank-bank pada umumnya telah mengekalkan peruntukan penampan yang lebih tinggi berbanding dengan paras tertinggi sebelum ini berikutan ketidaktentuan yang berterusan dalam persekitaran operasi. Keuntungan yang mampan terus mengukuhkan penampan bank-bank bagi menghadapi kejutan negatif, lantas membolehkan mereka menyokong pemberian pinjaman kepada ekonomi dan mengelakkan pengetatan keadaan kredit secara meluas dalam tempoh tekanan yang meningkat.

Sektor insurans dan takaful juga kekal berdaya tahan, dengan agregat nisbah kecukupan modal sebanyak 225% dan lebihan penampan modal sebanyak RM38.8 bilion pada akhir bulan Jun 2023. Keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful telah meningkat disebabkan terutamanya oleh prestasi pengunderaitan yang lebih baik. Keuntungan juga disokong oleh pendapatan pelaburan yang berterusan dan keuntungan tidak direalisasi daripada kadar hasil bon yang lebih rendah. Bayaran perubatan dan serahan terus mempengaruhi prestasi pengunderaitan perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga berikutan kadar penggunaan yang semakin meningkat, kemasukan hospital yang lebih tinggi dan kos tuntutan purata yang lebih tinggi dalam segmen tertentu. Dalam sektor insurans dan takaful am, kesan kewangan daripada risiko berkaitan iklim terus dicatatkan apabila keuntungan terjejas teruk akibat kejadian banjir, selain tuntutan motor yang kembali meningkat berbanding dengan tuntutan yang rendah semasa pandemik. Pembaharuan yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan ketelusan dan menangani penipuan dalam sektor insurans motor dan pembaikan membantu mewujudkan peralihan yang lebih lancar kepada penetapan harga berasaskan risiko yang lebih baik. Sementara itu, keadaan pasaran insurans semula yang lebih mampat setakat ini tidak menjejaskan kadar atau perlindungan insurans dan takaful domestik dengan ketara. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh amalan pengunderaitan syarikat insurans dan pengendali takaful yang pada amnya berhemat, serta penampan modal yang mencukupi.

Mengekalkan daya tahan operasi dan siber terus menjadi tumpuan utama Bank dan institusi kewangan. Menerusi usaha bersepadu dengan agensi penguatkuasaan undang-undang, institusi kewangan kini berupaya mengenal pasti dan bertindak dengan lebih baik terhadap akaun keldai yang digunakan dalam penipuan kewangan. Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan terus memberikan keutamaan pada usaha meningkatkan kerjasama orang ramai untuk melaporkan insiden penipuan serta kesedaran tentang risiko yang wujud apabila sengaja membenarkan akaun bank mereka digunakan untuk aktiviti penipuan. Institusi kewangan terus melakarkan kemajuan dalam pengurusan risiko yang dikaitkan dengan perubahan iklim, terutamanya menerusi amalan pelaburan dan pemberian pinjaman yang lestari di samping mempelbagaikan penyelesaian kewangan hijau. Sehubungan dengan itu, menangani keperluan data dan pembinaan keupayaan dalam pengurusan risiko iklim terus menjadi keutamaan yang berterusan bagi institusi kewangan. Usaha ini disokong melalui kerjasama Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) dengan industri swasta dan agensi kerajaan.

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2023

9 Risiko Pasaran
11 Risiko Kredit
22 Risiko Operasi

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2023

RISIKO PASARAN

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun keadaan pasaran global tidak menentu

Pasaran kewangan global terus dipengaruhi dengan ketara oleh peralihan jangkaan berhubung dengan perkembangan dalam ekonomi utama yang mungkin memberikan petanda akan berlaku perubahan pada haluan dasar monetari. Penghindaran risiko berikutan episod tekanan perbankan di AS dan Eropah pada bulan Mac telah reda, meskipun para pelabur tetap berwaspada terhadap kelemahan asas dalam sektor kewangan bukan bank yang boleh diburukkan lagi oleh kadar faedah yang lebih tinggi. Tekanan yang berterusan dalam sektor harta tanah dan kadar pemulihan yang lebih perlahan daripada jangkaan di China juga telah menyumbang kepada volatiliti pasaran kewangan yang kekal tinggi, terutamanya bagi ekonomi yang banyak bergantung pada perdagangan dengan China. Meskipun risiko langsung kepada sistem kewangan global daripada pemaju harta tanah yang sedang menghadapi kemelut di China dijangka sebahagian besarnya dapat dibendung, kadar pertumbuhan China yang perlahan dengan ketara akan meningkatkan risiko pasaran kewangan global.

Pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun terdapat volatiliti pada peringkat global. Keseluruhan tahap tekanan pasaran domestik, seperti yang diukur oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) (Rajah 1.1), telah menurun sejak akhir bulan Mac apabila kebimbangan penularan yang dikaitkan dengan tekanan sistem perbankan dalam beberapa ekonomi maju telah berkurang. Risiko limpahan daripada tekanan sektor perbankan global tidak memberikan kesan yang ketara kepada pasaran kewangan domestik.

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Meskipun beberapa bank melaporkan kesanggupan pelabur institusi yang lebih berhati-hati terhadap terbitan baharu instrumen modal Kumpulan 1 Tambahan (Additional Tier 1, AT1) domestik, sambutan terhadap terbitan AT1 oleh bank tempatan baru-baru ini terus kukuh. Pasaran juga memperoleh manfaat daripada sentimen pelabur yang bertambah baik pada separuh kedua bulan Julai berikutan pengumuman data yang menunjukkan inflasi global yang lebih sederhana dan keadaan pasaran pekerja global yang terus kukuh. Walau bagaimanapun, FMSI meningkat sedikit baru-baru ini berikutan jangkaan yang kembali wujud bahawa Federal Reserve AS (Fed) akan mengekalkan kadar faedah yang lebih tinggi untuk jangka masa yang lebih lama susulan mesyuarat Federal Open Market Committee pada bulan September 2023. Meskipun begitu, tahap tekanan kekal jauh di bawah tahap tertinggi yang dicatatkan semasa permulaan pandemik pada bulan Mac 2020.

Berikutan sentimen pelabur yang semakin baik sejak beberapa bulan kebelakangan ini, pasaran ekuiti domestik mencatatkan aliran masuk bukan pemastautin sejak bulan Julai, sebahagiannya membalikkan aliran keluar yang dicatatkan sebelum ini. Aliran keluar bersih oleh bukan pemastautin sejak awal tahun sehingga bulan September

juga lebih rendah pada RM2.0 bilion[1] (ST1 2023: -RM4.2 bilion; 2022: +RM4.4 bilion) (Rajah 1.2). Sektor utiliti, harta tanah dan pembinaan adalah antara sektor yang mencatatkan peningkatan yang ketara, mencerminkan sentimen positif selepas pengumuman Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, aktiviti pasaran harta tanah yang mampan dan kemajuan berterusan dalam pelaksanaan projek infrastruktur yang besar.

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

Pelabur institusi domestik[2] kekal sebagai pembeli bersih ekuiti domestik, mengimbangi aliran keluar bukan pemastautin dengan pembelian bersih sebanyak RM0.7 bilion antara bulan April hingga September 2023 (sejak awal tahun sehingga kini: RM2.4 bilion). Pelabur runcit juga kekal sebagai peserta utama dalam pasaran, walaupun urus niaga runcit terus menurun bahagiannya daripada jumlah aktiviti pasaran (April-September 2023: 26.9% daripada jumlah nilai yang didagangkan dalam pasaran ekuiti; paras tertinggi tahun 2020: 40.3%; purata 2015-2019: 18.5%). Pemerhati pasaran menjangkakan bahawa aktiviti runcit akan menjadi lebih sederhana kerana keadaan luar biasa semasa pandemik yang mendorong aktiviti lebih tinggi daripada purata kini kembali normal. Keadaan ini termasuk peningkatan kadar faedah daripada paras terendah yang pernah dicatatkan dan pelbagai program rangsangan yang telah tamat. Pengurangan dalam pelaburan ekuiti runcit berlaku secara beransur-ansur setakat ini memandangkan sebahagian besar pelaburan runcit tidak dibiayai melalui hutang. Keadaan ini dijangka akan terus menyokong keadaan pasaran yang teratur dan mengehadkan risiko bagi isi rumah daripada tekanan berkaitan hutang yang disebabkan harga ekuiti yang tidak menentu. Selaras dengan pemerhatian sebelum ini, pinjaman isi rumah untuk membeli saham tersenarai *(quoted shares)* kekal rendah dan stabil, mencakupi hanya 0.5% daripada pinjaman sistem perbankan.

Pasaran bon kerajaan terus mencatatkan aliran masuk bukan pemastautin

Pasaran bon kerajaan domestik mencatatkan aliran masuk bukan pemastautin bersih (April-September 2023: RM11.7 bilion; April-September 2022: -RM10.0 bilion), berikutan jumlah pulangan bon kerajaan domestik yang baik (Rajah 1.3). Aliran masuk daripada bukan pemastautin juga dicatatkan berikutan pengesahan penarafan bon kerajaan Malaysia oleh Moody's Investors Service dan S&P Global Ratings, masing-masing pada bulan April dan Jun. Bahagian pemegangan bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan berada pada 23.0%, peningkatan yang sederhana berbanding dengan paras yang dicatatkan pada hujung tahun 2022 (Disember 2022: 22.2%; purata 2015-2019: 27.0%). Yang penting, bahagian pemegangan bukan pemastautin yang lebih stabil[3] keseluruhannya kekal tidak berubah. Keadaan ini akan terus mengurangkan volatiliti yang berlebihan dalam keadaan pasaran. Mudah tunai pasaran kekal utuh dengan permintaan berterusan terhadap bon kerajaan dalam pasaran primer, seperti yang ditunjukkan oleh purata nisbah bida kepada perlindungan *(bid-to-cover ratio)* yang kukuh sebanyak 2.1 kali antara bulan April hingga September 2023 (purata 2015-2019: 2.3 kali). Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun meningkat sedikit sebanyak 8.0 mata asas antara bulan April hingga September 2023 (2022: +50.8 mata asas), dengan purata 3.8%. Sementara itu, purata jumlah dagangan harian dalam pasaran sekunder juga meningkat, dengan purata RM4.7 bilion antara bulan April hingga September 2023 (purata 2015-2019: RM3.1 bilion). Pelabur institusi domestik juga telah meningkatkan pembelian bon kerajaan berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas (Januari-September 2023: RM62.8 bilion;[4] Januari-September 2022: RM50.6 bilion), sejajar dengan terbitan bon kerajaan yang lebih tinggi pada tempoh tersebut.

[1] Semua data dalam bahagian Risiko Pasaran merupakan data setakat 29 September 2023, kecuali dinyatakan sebaliknya.
[2] Pelabur institusi domestik termasuk bank, institusi kewangan bukan bank (*non-bank financial institutions*, NBFI) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO).
[3] Merujuk pemegangan oleh bank pusat, kerajaan, kumpulan wang pencen dan syarikat insurans bukan pemastautin.
[4] Data pembelian bon kerajaan oleh ITO adalah pada 31 Julai 2023.

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pasaran bon korporat terus menyediakan keadaan pembiayaan yang kondusif dan stabil untuk perniagaan. Spread kredit antara kertas penarafan AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun terus mengecil berbanding dengan paras sebelum pandemik (purata April-September 2023: 42.2 mata asas; purata April-September 2022: 48.9 mata asas; purata tahun 2015-2019: 55.4 mata asas), mencerminkan permintaan yang berterusan terhadap bon korporat oleh pelabur yang mencari keuntungan. Terbitan bon korporat kasar berjumlah RM55.2 bilion antara bulan April hingga Ogos 2023, melebihi paras yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lalu (April-Ogos 2022: RM51.6 bilion). Terbitan kekal berkualiti tinggi, dengan kertas penarafan AAA terus mencakupi bahagian terbesar bon korporat.

Keadaan pasaran wang antara bank bertambah baik. Hal ini berikutan permintaan pembiayaan hujung tahun bermusim oleh bank yang semakin berkurang seiring dengan surutnya jangkaan pasaran berhubung dengan kenaikan OPR selanjutnya. Keseluruhan mudah tunai sistem perbankan berada pada RM142.0 bilion setakat bulan September 2023, dengan spread antara Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3 bulan dengan OPR yang hampir dengan purata jangka panjangnya iaitu kira-kira 45 mata asas.

Meskipun mudah tunai perbankan secara keseluruhan kekal lebih daripada mencukupi sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah lebihan mudah tunai semalaman yang ditempatkan di Bank sejak bermulanya pandemik. Menjelang hujung tahun 2022, lebihan mudah tunai semalaman mencecah RM101 bilion dan kekal sekitar RM70 bilion hingga RM80 bilion sejak itu (purata tahun 2015-2019: RM39 bilion). Peralihan ini mencerminkan terutamanya pilihan institusi kewangan terhadap penempatan jangka lebih pendek berikutan kitaran kenaikan kadar faedah. Sebagai sebahagian daripada operasi pengurusan mudah tunai Bank, terbitan Bil Antara Bank BNM (Bank Negara Interbank Bills, BNIB) telah ditambah untuk mengurangkan baki semalaman yang tinggi. Penambahan ini juga akan membantu meningkatkan kecekapan dan penetapan harga dalam pasaran pembiayaan antara bank dengan menggalakkan aktiviti perdagangan antara bank yang lebih aktif. Jumlah dagangan antara bank sebagai bahagian daripada lebihan baki semalaman bank-bank telah meningkat sejak itu. Trend yang sama juga diperhatikan dalam pasaran pembiayaan antara bank bercagar dengan jumlah perjanjian belian balik *(repo)* untuk pelbagai tempoh meningkat sebanyak 32%. Bank Negara Malaysia terus memantau perkembangan yang boleh mempengaruhi keadaan mudah tunai, dengan tumpuan utama pada usaha mengekalkan paras mudah tunai domestik yang wajar bagi memudahkan pengantaraan yang cekap dalam pasaran wang antara bank.

Antara bulan April hingga September 2023, ringgit menurun nilai sebanyak 6.0% berbanding dengan dolar AS kepada 4.6953. Pergerakan ringgit terus dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan pasaran kewangan global termasuk ketidakpastian berhubung dengan had maksimum hutang AS, berserta dengan data ekonomi dan pasaran pekerja AS yang kukuh serta perubahan jangkaan pasaran terhadap kadar faedah penamat *(terminal interest rate)* oleh Fed. Perkembangan luaran ini telah menyebabkan kesanggupan mengambil risiko pada peringkat global berkurang secara sementara. Walau bagaimanapun, apabila ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global telah reda, pemulihan dalam sentimen pelabur memberikan sokongan yang positif kepada ringgit apabila ringgit mencatatkan prestasi yang lebih kukuh pada permulaan suku ketiga 2023. Meskipun ekonomi China mempunyai kepelbagaian yang tinggi dan rakan dagangan yang pelbagai, pertumbuhan yang lebih lemah daripada jangkaan di negara tersebut telah menyebabkan nilai ringgit kembali lemah berbanding dengan dolar AS, sejajar dengan pergerakan mata wang serantau lain.

Pasaran pertukaran asing domestik kekal kondusif untuk pengantaraan kewangan meskipun berhadapan dengan semua perkembangan global ini. Jumlah dagangan dalam negeri harian kekal kukuh, dengan purata USD15.4 bilion pada tahun 2023 (2022: USD13.7 bilion). Meskipun purata kadar pertukaran USD/MYR 1 bulan pada tahun 2023 menunjukkan volatiliti yang melebihi paras yang dicatatkan dalam tempoh baru-baru ini iaitu pada 5.4% (2022: 4.5%; purata 3 tahun: 4.8%), kadar ini kekal jauh di bawah kadar tertinggi yang dicatatkan semasa pandemik (bulan Mac 2020: 8.1%). Volatiliti ringgit juga kekal lebih rendah berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Pergerakan yang stabil dalam kadar pertukaran ringgit adalah penting untuk menggalakkan keyakinan bagi perniagaan membuat keputusan pelaburan dan peruntukan sumber yang cekap. Pertukaran hasil eksport mata wang asing kepada ringgit pada separuh pertama tahun 2023 kekal stabil dalam julat purata jangka panjang sebanyak 60% hingga 70% daripada jumlah hasil, seterusnya mengekalkan sokongan untuk ringgit. Dalam tempoh yang terdekat, pergerakan ringgit akan terus didorong terutamanya oleh perkembangan luaran termasuk jangkaan haluan dasar monetari Fed dan prospek pertumbuhan global.

RISIKO KREDIT

Perniagaan dalam beberapa segmen terus menghadapi rintangan operasi yang berlarutan

Aktiviti perniagaan dalam negeri telah meningkat dengan ketara. Perniagaan berkaitan pengguna memperoleh manfaat daripada pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang berterusan, manakala aliran kemasukan pelancong yang stabil dan pelancongan domestik terus menyokong subsektor berkaitan pelancongan. Meskipun keadaan bertambah baik, perniagaan terus menghadapi persekitaran operasi yang mencabar. Kos input yang tinggi dan permintaan luaran yang lemah terus memberikan kesan pada keuntungan perniagaan, terutamanya perniagaan dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Walaupun keadaan sedikit reda sejak awal tahun ini, kos input kekal tinggi disebabkan oleh harga import yang lebih tinggi, kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah serta kos tenaga elektrik[5] dan pekerja yang lebih tinggi. Median nisbah kos barangan yang dijual[6] bagi sektor pembinaan dan perkilangan kekal melebihi paras sebelum pandemik (S2 2023: 77.8%; purata 2015-2019: 75.9%). Beberapa pemaju harta tanah juga melaporkan cabaran aliran tunai disebabkan oleh kelewatan pembayaran daripada pemberi kontrak. Dalam sektor harta tanah komersial, isu lebihan bekalan yang berlarutan terus menjejaskan kadar penghunian dan sewaan untuk ruang pejabat dan ruang niaga.

Secara amnya, syarikat kekal berdaya tahan terhadap rintangan ini. Keupayaan perniagaan untuk membayar balik hutang, seperti yang diukur oleh median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio,* ICR), kekal kukuh dan selesa melebihi paras ambang kehematan iaitu dua kali. Bahagian agregat syarikat berisiko[7] pula menunjukkan trend yang lebih rendah pada suku tahun baru-baru ini (Rajah 1.4). Penampan mudah tunai kukuh yang dikumpulkan semasa pandemik terus menyokong daya tahan perniagaan.

Perniagaan yang lebih besar, terutamanya syarikat yang mempunyai ekonomi ikut bidangan *(economies of scale)*, pengurusan inventori yang lebih cekap dan penampan tunai yang lebih besar, dapat menghadapi cabaran ini dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat kecil terus terjejas secara tidak seimbang memandangkan penampan mereka yang lebih rendah, ekonomi ikut bidangan yang terhad dan kedudukan tawar-menawar yang lebih rendah (butiran lanjut dihuraikan dalam bahagian penilaian kualiti kredit perniagaan di bawah). Mencerminkan kesan permintaan dan faktor kos yang tidak sekata bagi syarikat, keuntungan perniagaan keseluruhan merosot di bawah keuntungan purata yang dicatatkan sebelum pandemik (Rajah 1.5).

Rajah 1.4: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[5] Pelepasan Kos-kos Tidak Seimbang (Imbalance Cost Pass-Through, ICPT) merupakan mekanisme di bawah rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (Incentive Based Regulation, IBR) yang membolehkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencerminkan perubahan kos bahan api dan kos berkaitan penjanaan lain dalam tarif elektrik pengguna setiap enam bulan. Sejak tahun 2023, kadar surcaj ICPT bagi bukan PKS telah meningkat sejajar dengan pelaksanaan skim subsidi yang lebih bersasar.

[6] Pengiraan nisbah kos barangan yang dijual (*cost of goods sold,* COGS) dibuat dengan membahagikan COGS syarikat dengan pendapatannya. Nisbah yang lebih tinggi menunjukkan bahawa COGS membentuk bahagian pendapatan yang lebih tinggi.

[7] Syarikat berisiko merujuk syarikat yang mempunyai nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan sebanyak dua kali.

Kualiti kredit syarikat secara amnya kekal kukuh

Perniagaan terus berhati-hati untuk mengambil hutang baharu berikutan keadaan persekitaran operasi yang tidak menentu dan kadar faedah yang lebih tinggi. Pinjaman perniagaan berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% pada separuh pertama tahun 2023 (Disember 2022: 3.5%). Perkara ini disebabkan terutamanya oleh permintaan terhadap pembiayaan yang lebih rendah daripada syarikat besar, terutamanya syarikat yang berorientasikan eksport, berikutan prospek yang lebih lemah terhadap permintaan luaran. Sebaliknya, pembiayaan kepada PKS berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 6.4% (Disember 2022: 5.8%). Peningkatan ini disokong oleh pengeluaran pinjaman yang berterusan kepada PKS yang lebih bergantung pada pembiayaan untuk memenuhi keperluan modal kerja dan pelaburan (Rajah 1.6). Sejajar dengan pengurusan hutang yang lebih berhemat oleh syarikat besar, leveraj perniagaan keseluruhan bertambah baik, dengan median nisbah hutang kepada ekuiti menurun kepada paras terendah yang pernah dilaporkan sejak tahun 2017. Keadaan kredit pada masa hadapan dijangka kekal kondusif untuk perniagaan. Penawaran kredit bank kepada perniagaan yang berdaya maju terus tersedia, disokong oleh sistem perbankan yang kukuh, mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan jangkaan prospek pertumbuhan yang bertambah baik menjelang tahun 2024. Bank-bank terus mengekalkan sasaran pertumbuhan pinjaman perniagaan yang kukuh. Pembiayaan kepada PKS disokong selanjutnya oleh kemudahan di bawah Dana BNM untuk PKS.[8]

Kualiti kredit pinjaman perniagaan pada amnya kekal kukuh. Nisbah pinjaman terjejas sektor perniagaan secara keseluruhan tidak berubah pada 2.8% daripada pinjaman perniagaan (purata 2015-2019: 2.6%), atau 1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Rajah 1.7). Walau bagaimanapun, pinjaman terjejas PKS meningkat sedikit kepada 3% daripada jumlah pinjaman PKS (Disember 2022: 2.9%) atau 0.5% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Hal ini berikutan tanda-tanda kelemahan kewangan yang muncul dalam beberapa kelompok peminjam PKS yang telah mendorong lebih banyak pinjaman yang tertunggak pada separuh pertama tahun 2023 (Jadual 1.1).

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Pengeluaran Pembiayaan PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.1: Sektor Perniagaan – Pinjaman Tertunggak[1] PKS bagi Sektor Terpilih

Sektor	Pinjaman Terkumpul (% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan)	Pinjaman Tertunggak[1] (% daripada pinjaman PKS kepada sektor)	
		Dis 2022	Jun 2023
Perdagangan borong dan runcit	5.1	1.5	1.8
Perdagangan runcit makanan dan minuman	*0.1*	*0.7*	*1.6*
Pembinaan	2.1	3.8	4.5
Pertanian	0.5	2.3	6.2

[1] Merujuk pinjaman tertunggak 3 bulan atau lebih, bersamaan dengan pinjaman tertunggak melebihi 90 hari.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Kira-kira RM9.2 bilion (daripada jumlah peruntukan sebanyak RM32.4 bilion) masih tersedia pada akhir bulan Jun 2023.

- **Borong dan runcit:** PKS kecil dan mikro dalam sektor ini menghadapi lebih banyak cabaran untuk membuat penyesuaian dengan persekitaran perniagaan selepas pandemik. Sebagai contoh, pengendali makanan dan minuman (*food and beverages,* F&B), menghadapi kos overhed yang lebih tinggi untuk mengekalkan premis fizikal apabila lebih banyak pengguna kembali membeli-belah dan makan secara bersemuka. Selain itu, perniagaan kecil persendirian yang sedang pulih juga menghadapi persaingan sengit daripada rangkaian gedung runcit yang lebih besar dan mempunyai ekonomi ikut bidangan yang lebih baik.

- **Pembinaan:** Margin keuntungan PKS dalam sektor pembinaan terus terjejas oleh kos bahan yang tinggi, terutamanya bagi kontrak yang dianugerahkan sebelum pandemik di bawah andaian kos yang lebih rendah. Meskipun beberapa kontrak menyediakan variasi harga, klausa tersebut mungkin hanya meliputi bahan terpilih dan sehingga kuantum yang tertentu. Walaupun keadaan kekurangan pekerja telah bertambah baik, kos pekerja kekal tinggi kerana syarikat perlu bersaing untuk mendapatkan pekerja asing dengan sektor lain seperti sektor minyak sawit, perkilangan dan F&B. Selain itu, kelewatan pembayaran oleh pemberi kontrak dan terma kredit yang lebih ketat oleh pembekal mengakibatkan aliran tunai yang lebih terhad bagi kontraktor PKS.

- **Pertanian:** PKS dalam sektor ini terjejas oleh pengeluaran lebih rendah yang disebabkan oleh pokok kelapa sawit yang semakin tua, keadaan cuaca panas dan penurunan harga jualan purata. Kekurangan tenaga kerja terus berlarutan disebabkan oleh kekurangan pekerja yang berpengalaman, lantas mengakibatkan kos pekerja kekal tinggi. Ringgit yang lebih lemah juga menyebabkan kos input seperti baja kekal tinggi.

Sehubungan dengan itu, lebih banyak PKS mendapatkan bantuan awal daripada Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS).[9] Bilangan permohonan SDRS pada separuh pertama tahun 2023 meningkat sebanyak 20% (+254 permohonan) berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, jumlah ini masih kecil sebagai sebahagian daripada jumlah akaun pinjaman PKS dalam sistem perbankan (0.03%).

Pada masa ini, risiko yang baru muncul ini masih dalam jangkaan bank dan tidak dijangka akan menyebabkan kemerosotan kualiti kredit yang meluas. Penilaian kredit bank-bank terus menunjukkan bahawa kebanyakan PKS dalam subsektor yang dinyatakan di atas akan berupaya untuk mengekalkan bayaran balik pinjaman mereka sepanjang keadaan yang mencabar dalam jangka masa terdekat. Bahagian pinjaman PKS di bawah Tahap 2 juga turut bertambah baik kepada 12.4% (Disember 2022: 12.8%; Mac 2022 (kemuncak): 16.5%). Penambahbaikan ini seterusnya boleh menjadi lebih sederhana memandangkan lebih 40% daripada pinjaman PKS Tahap 2 berkait dengan peminjam dalam sektor mudah terjejas yang dinyatakan di atas. Bahagian pinjaman ini masih merupakan bahagian yang agak kecil daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (0.89%). Bahagian pinjaman PKS di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman juga terus menurun kepada 5.5% daripada jumlah pinjaman PKS, atau 0.9% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) (Rajah 1.8), manakala bilangan pendaftaran baharu kekal terhad pada 0.1% daripada jumlah pinjaman PKS (Disember 2022: 0.3%). Setakat ini, kebanyakan PKS yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman dapat menyambung semula dan meneruskan bayaran balik pinjaman mereka.

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Bahagian Pinjaman yang Menjalani Penjadualan dan Penstrukturan Semula Mengikut Segmen



Nota: Mulai 1 Januari 2023, data penjadualan dan penstrukturan semula yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini bagi mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[9] SDRS dilaksanakan pada tahun 2003 sebagai platform bagi institusi kewangan dan PKS yang berdaya maju untuk mencari penyelesaian dalam pemulihan hutang tanpa menggunakan saluran undang-undang, lantas membolehkan PKS memberikan tumpuan pada rancangan untuk memulihkan perniagaan mereka.

Syarikat lebih besar yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh terus mendapat akses kepada pasaran hutang domestik. Bon korporat terkumpul meningkat sebanyak 5.2% (Disember 2022: 4.8%) pada separuh pertama tahun 2023. Kualiti penerbit bon korporat kekal kukuh. Dalam tempoh itu, hanya empat penerbit (2022: 6 penerbit), atau 0.6% daripada jumlah bon domestik terkumpul telah diturunkan taraf disebabkan oleh kelemahan khusus syarikat. Peminjaman luar negeri korporat oleh syarikat bukan kewangan, yang merangkumi 27.2% daripada keseluruhan hutang perniagaan, telah meningkat kepada RM485.3 bilion (Disember 2022: RM461.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh penilaian kadar pertukaran. Meskipun hampir 85% daripada peminjaman luar negeri korporat adalah dalam mata wang asing, risiko daripada dedahan tersebut kekal terurus memandangkan amalan pengurusan risiko FX berhemat yang secara amnya diamalkan oleh syarikat pemastautin besar. Sebahagian besar hutang luar negeri syarikat dilindung nilai, sama ada dari segi kewangan atau secara semula jadi. Keadaan ini mengehadkan risiko FX yang timbul daripada ketidakpadanan mata wang. Risiko pelanjutan *(rollover risks)* yang berkaitan dengan jumlah dedahan luar negeri korporat juga kekal rendah dengan kira-kira 70% mempunyai tempoh matang jangka sederhana hingga jangka panjang. Selain itu, lebih satu pertiga daripada dedahan ini adalah dengan rakan niaga berkaitan yang boleh memberikan fleksibiliti pengurusan hutang yang lebih besar. Pada peringkat agregat, dedahan luar negeri korporat bukan kewangan terus dilindungi dengan baik oleh aset, dengan aset luar negeri korporat berada pada 1.2 kali hutang luar negeri korporat.

Pada masa hadapan, keadaan perniagaan yang bertambah baik dijangkakan bagi sektor yang menyokong industri pelancongan seperti rekreasi dan hotel, serta keperluan pengguna seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan. Walau bagaimanapun, secara lebih meluas, perniagaan mungkin akan mengalami rintangan yang berterusan berikutan keadaan pertumbuhan global yang sederhana dan apabila kesan sokongan awal daripada pemulihan selepas pandemik mula berkurang. Perniagaan juga mengenal pasti kos perniagaan yang lebih tinggi – termasuk antara lainnya daripada tarif elektrik dan kos guna tenaga yang lebih tinggi serta nilai ringgit yang lemah – sebagai risiko pertumbuhan menjadi perlahan. Keadaan ini boleh mengurangkan lagi margin keuntungan dalam persekitaran pengguna yang lebih sensitif terhadap harga disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi. Selain itu, perniagaan semakin mengambil kira risiko dan peluang berkaitan iklim sebagai respons kepada kekerapan kejadian cuaca buruk, penerangan yang lebih jelas mengenai strategi kelestarian kebangsaan serta imperatif peralihan dalam kalangan pemberi pembiayaan, pasaran utama dan pengguna.

Kebanyakan perniagaan dijangka dapat menghadapi kemungkinan persekitaran operasi yang semakin teruk. Keadaan yang bertambah baik dari segi leveraj perniagaan yang lebih rendah, penampan tunai yang kukuh dan model perniagaan yang lebih tangkas juga menunjukkan bahawa syarikat mungkin berada pada kedudukan yang lebih baik untuk bertindak balas terhadap kejutan baharu. Selaras dengan hal ini, bank-bank tidak menjangkakan standard pemberian pinjaman menjadi lebih ketat secara meluas dalam jangka masa terdekat. Sekiranya berlaku peningkatan besar dalam kemungkiran perniagaan, ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank pada awal tahun 2023 mengesahkan bahawa bank-bank mempunyai penampan modal yang mencukupi untuk menyerap kerugian kredit ketara yang berpunca daripada sektor perniagaan.[10]

[10] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2022 Bank Negara Malaysia untuk butiran lanjut.

Risiko kredit daripada sektor isi rumah secara keseluruhan kekal terurus, disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan

Hutang isi rumah[11] berkembang sebanyak 5.1% pada asas tahunan (Disember 2022: 5.5%) (Rajah 1.9). Pertumbuhan hutang isi rumah terus didorong terutamanya oleh pinjaman perumahan dan kenderaan. Hal ini sejajar dengan peningkatan berterusan dalam upah sektor swasta, yang meningkat sebanyak 4.1%. Sementara itu, langkah-langkah sedia ada untuk menggalakkan pemilikan rumah juga telah mengekalkan permintaan terhadap pembelian rumah. Kadar pertumbuhan pembiayaan kenderaan terus meningkat, didorong oleh pesanan tertangguh[12] yang terus dipenuhi serta jualan kenderaan yang kukuh susulan model baharu yang dilancarkan pada tempoh itu.

Pinjaman penggunaan turut berkembang seiring dengan pemulihan berterusan dalam tahap perbelanjaan pengguna dan pengenalan Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)[13] oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (penerangan lanjut di bawah). Walau bagaimanapun, bahagian pinjaman penggunaan kepada hutang isi rumah secara amnya kekal tidak berubah (Rajah 1.10). Risiko pertumbuhan hutang kad kredit juga kekal terkawal. Hutang kad kredit terkumpul menghampiri tahap sebelum pandemik. Pengguna kad kredit sebahagian besarnya masih membayar penuh baki penyata tepat pada masanya, dengan pendahuluan tunai dan baki pusingan kad kredit kekal di bawah paras sebelum pandemik (Jun 2023: masing-masing 78% dan 91% daripada paras pada bulan Jun 2019). Berikutan spread antara pulangan pelaburan dengan kos pembiayaan yang semakin berkurang, pinjaman untuk pembelian sekuriti mencatatkan penurunan mendadak (-10.2%; Disember 2022: +2.8%). Hal ini didorong terutamanya oleh pembiayaan yang lebih rendah untuk pembelian unit Amanah Saham Bumiputera apabila peminjam mengurangkan hutang sedia ada dan kurang berminat terhadap pembelian unit baharu menerusi pinjaman. Setakat bulan Jun 2023, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK secara amnya stabil pada 81.9% (Disember 2022: 81.0%) (Rajah 1.11).

[11] Pinjaman yang diberikan oleh bank-bank dan institusi kewangan bukan bank.
[12] Pesanan tertangguh ini kebanyakannya dari tempoh pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) iaitu bagi kenderaan yang ditempah dari 15 Jun 2020 hingga 30 Jun 2022 dan didaftarkan selewat-lewatnya sebelum 31 Mac 2023.
[13] FSA2 membolehkan ahli KWSP membuat permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun sebelum usia persaraan mereka, bagi membantu ahli KWSP mendapatkan pembiayaan peribadi daripada institusi perbankan peserta. Permohonan untuk Fasa 1 bermula pada 7 April 2023 dan akan terus dibuka selama 1 tahun serta terpakai untuk ahli yang berumur 40 hingga 54 tahun.

Rajah 1.9: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Tahunan Hutang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.10: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Mengikut Tujuan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.11: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Pinjaman isi rumah terkumpul yang diberikan oleh institusi perbankan berkembang sebanyak 5.4% pada separuh pertama tahun 2023 (Disember 2022: 5.9%). Sebahagian besar (69.7%) pinjaman ini terus terdiri daripada peminjam yang memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM5,000 (Rajah 1.12). Meskipun kadar pembiayaan adalah lebih tinggi, median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income,* DTI) bagi isi rumah merentas semua kumpulan pendapatan secara amnya stabil (Rajah 1.13) berikutan standard pemberian pinjaman yang kekal mantap oleh institusi perbankan. Penunjuk lain yang mengukur keupayaan membayar balik hutang juga kekal kukuh. Median nisbah khidmat hutang (*debt service ratio,* DSR) bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan pinjaman isi rumah terkumpul masing-masing berada pada 42% dan 36% (Disember 2022: 43% dan 37%), sekali gus mengekalkan penampan isi rumah yang kukuh untuk menyokong pembayaran balik pinjaman. Sebanyak dua pertiga daripada pinjaman yang baru diluluskan pada separuh pertama tahun 2023 adalah berkaitan dengan peminjam yang mempunyai DSR di bawah 60%. Sementara itu, bahagian peminjam yang mempunyai DSR melebihi 60%, yang mungkin lebih mudah terdedah kepada tekanan bayaran balik pinjaman, kekal stabil sekitar satu perempat daripada jumlah peminjam isi rumah. Sebahagian besar (67%) daripada dedahan kredit ini adalah daripada peminjam yang berpendapatan sederhana dan tinggi,[14] yang lazimnya memiliki penampan kewangan yang lebih besar untuk mengekalkan bayaran balik pinjaman sekiranya berlaku kejutan kewangan. Pinjaman terjejas dalam kalangan peminjam yang mempunyai DSR yang tinggi juga kekal rendah (Jun 2023: 1.3% daripada pinjaman terkumpul peminjam dalam segmen ini; Disember 2022: 1.2%). Bank-bank menjangkakan kualiti aset merosot sedikit dalam kalangan peminjam berisiko lebih tinggi memandangkan bantuan bayaran balik pinjaman yang diberikan kepada peminjam semasa pandemik telah tamat. Peminjam yang bekerja dalam sektor yang terus menghadapi cabaran daripada persekitaran luaran berkemungkinan lebih terjejas. Walau bagaimanapun, bank-bank terus mengekalkan tahap penampan yang tinggi terhadap potensi kerugian kredit dan kekal berada pada kedudukan yang baik untuk merangka pelan pembayaran semula pinjaman oleh peminjam yang terjejas.

Rajah 1.12: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Sistem Perbankan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Nota: 1. Angka-angka tidak termasuk akaun pinjaman yang mempunyai maklumat pendapatan yang tidak lengkap.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.13: Sektor Isi Rumah – Median Nisbah Hutang Kepada Pendapatan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengenalan program FSA2 oleh KWSP pada bulan April 2023 bertujuan membantu ahli KWSP[15] yang menghadapi masalah mudah tunai sementara bagi memenuhi keperluan aliran tunai mereka melalui pembiayaan peribadi yang disediakan oleh bank-bank peserta pada kos yang lebih rendah dan dengan impak yang minimum terhadap simpanan persaraan mereka. Program ini disasarkan kepada ahli KWSP yang mempunyai simpanan dalam Akaun 2 dan disokong oleh pendapatan yang berpatutan untuk memastikan mereka boleh membayar balik

[14] Kumpulan yang berpendapatan sederhana merujuk individu yang berpendapatan bulanan antara RM5,000 hingga RM10,000 manakala kumpulan yang berpendapatan tinggi termasuk individu berpendapatan melebihi RM10,000 sebulan. Individu yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM5,000 dikategorikan sebagai berpendapatan lebih rendah.

[15] Ahli KWSP yang layak mesti mempunyai jumlah minimum sebanyak RM3,000 dalam Akaun 2 KWSP mereka. Ahli KWSP boleh memohon jumlah pembiayaan maksimum hingga RM50,000, tertakluk pada baki Akaun 2 KWSP semasa permohonan, dengan tempoh bayaran balik pinjaman hingga 10 tahun.

pembiayaan tanpa menjejaskan kecukupan dan keselamatan simpanan persaraan mereka. Setakat bulan Julai 2023, sebanyak 2.7% ahli KWSP yang layak telah memperoleh pembiayaan di bawah fasa pertama program itu. Jumlah ini mencakupi 56,849 akaun pinjaman (atau 0.24% daripada jumlah akaun pinjaman isi rumah) dengan nilai berjumlah RM1.15 bilion (0.08% daripada jumlah pinjaman isi rumah). Sejajar dengan hasrat program itu, bank-bank peserta dikehendaki menjalankan penilaian kemampuan pembayaran balik pinjaman sebelum meluluskan pinjaman di bawah program tersebut. Langkah ini dilaksanakan bagi mengurangkan risiko peminjam terjerumus ke dalam masalah kewangan pada masa hadapan akibat simpanan yang tidak mencukupi untuk persaraan. Oleh itu, sebahagian besar (70%) daripada pinjaman ini mempunyai DSR berhemat iaitu bawah 60%. Kerajaan juga sebelum ini telah mengumumkan rancangan untuk melancarkan fasa kedua program itu untuk ahli KWSP yang layak yang berumur di bawah 40 tahun. Berdasarkan andaian konservatif bahawa kadar permohonan ialah tiga kali lebih tinggi daripada yang dicatatkan pada fasa pertama, agregat hutang isi rumah dijangka tidak meningkat dengan ketara.

Hutang perumahan kekal sebagai bahagian terbesar (60.3%) hutang isi rumah. Walaupun OPR telah diselaraskan, aktiviti pembiayaan untuk pembelian harta kediaman kekal menggalakkan. Aktiviti pembiayaan yang lebih tinggi dicatatkan untuk harta tanah merentas semua segmen harga pada separuh pertama tahun 2023 (Rajah 1.14). Median DSR bagi pinjaman perumahan baharu secara amnya kekal stabil pada 54% (Disember 2022: 53.3%). Hal ini mencerminkan penilaian kemampuan pembayaran

Rajah 1.14: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Permohonan Pinjaman Perumahan Mengikut Harga



Sumber: Bank Negara Malaysia

pinjaman berhemat yang terus dilaksanakan oleh bank-bank. Kadar kelulusan pinjaman secara keseluruhannya meningkat kepada 77.6% (2022: 75.8%; purata 2015-2019: 75.9%). Keadaan ini sebahagian besarnya terus didorong oleh kadar kelulusan pinjaman yang lebih tinggi bagi pembeli rumah kali pertama (Jun 2023: kadar kelulusan 72%; Disember 2022: 70.1%; Disember 2019: 66.3%), sejajar dengan peningkatan keseluruhan pendapatan isi rumah.

Risiko daripada kejatuhan harga rumah yang mendadak juga terus berkurang susulan keadaan pasaran harta kediaman yang terus bertambah baik (lihat rencana mengenai "Perkembangan dalam Pasaran Harta Kediaman"). Peningkatan kadar faedah telah mengurangkan lagi risiko daripada aktiviti mencari keuntungan atau aktiviti spekulatif yang boleh memburukkan lagi isu kemampuan dan menambahkan ketidakseimbangan penawaran-permintaan dalam pasaran perumahan pada masa hadapan. Pemilik rumah *(owner-occupiers)*[16] yang mempunyai insentif yang lebih kukuh untuk membayar balik pinjaman mereka terus memacu pertumbuhan keseluruhan pembiayaan perumahan, dengan mencakupi sebahagian besar (75.8%) daripada peningkatan hutang perumahan. Median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value,* LTV) bagi pinjaman perumahan terkumpul juga kekal stabil (Jun 2023: 65.9%; Disember 2022: 65.5%) dan terus menyediakan penampan yang selesa kepada peminjam dan bank-bank terhadap penurunan harga rumah sekiranya risiko harga menjadi rendah benar-benar berlaku.

Risiko kredit dalam kalangan pelabur harta tanah individu,[17] yang lebih berkemungkinan untuk mungkir sekiranya nilai gadai janji mereka jatuh ke paras ekuiti negatif atau sekiranya pendapatan sewaan mereka hilang, kekal rendah. Pertumbuhan pinjaman perumahan dalam segmen ini terus sederhana (4.4%; Disember 2022: 5.2%; purata 2015-2019: 10.1%). Sebahagian besar (82.9%) pinjaman perumahan baharu kepada pelabur harta tanah individu diberikan kepada mereka yang mempunyai pendapatan melebihi RM5,000 sebulan, yang secara amnya lebih mampu menahan kejutan pendapatan. Median nisbah LTV bagi pinjaman perumahan terkumpul pelabur harta tanah individu juga kekal rendah pada 62.3% (Disember 2022: 62.0%), lantas mengehadkan lagi potensi kerugian.

[16] Diwakili oleh peminjam individu yang mempunyai satu pinjaman perumahan. Termasuk juga pembeli rumah kali pertama.
[17] Pelabur harta tanah individu merujuk peminjam individu yang mempunyai lebih daripada satu pinjaman perumahan.

Perkembangan dalam Pasaran Harta Kediaman

Pasaran harta kediaman keseluruhannya kekal stabil pada separuh pertama tahun 2023, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan bersama-sama dengan langkah-langkah untuk menggalakkan pemilikan rumah. Jumlah transaksi pasaran terus melebihi paras purata sebelum pandemik, didorong oleh segmen pasaran umum *(mass market)*. Rumah yang berharga RM500,000 ke bawah mencakupi hampir 80% daripada jumlah transaksi pada separuh pertama tahun 2023 (Rajah 1.15). Keadaan lebihan bekalan terus beransur-ansur reda, dengan bilangan unit rumah yang tidak terjual terus menurun (141,855; S4 2021 (tertinggi): 183,918; purata 2015-2019: 130,210) (Rajah 1.16).[18] Meskipun penambahbaikan yang berlaku agak meluas merentas jenis harta tanah dan segmen harga, penurunan yang lebih ketara dalam unit tidak terjual dicatatkan dalam segmen harta tanah bertingkat tinggi, terutamanya dalam kalangan unit yang berharga antara RM500,000 hingga RM1 juta. Meskipun terdapat permintaan yang kukuh dalam segmen perumahan pasaran umum, bahagian bekalan baharu untuk harta kediaman yang baru dilancarkan yang berharga RM500,000 ke bawah pada separuh pertama tahun 2023 berkurang dengan mendadak (58.0%[a] daripada jumlah unit yang baru dilancarkan; 2022: 71.1%). Hal ini mungkin mencerminkan keyakinan yang bertambah baik dalam kalangan pemaju harta tanah yang berusaha menguruskan kos keseluruhan yang lebih tinggi. Namun, hal ini seterusnya boleh memburukkan lagi masalah kekurangan bekalan rumah mampu milik.

Rajah 1.15: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Transaksi Perumahan



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.16: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Unit Perumahan Tidak Terjual



Nota: Angka termasuk unit tidak terjual yang telah siap dan unit tidak terjual yang sedang dalam pembinaan untuk kediaman, pangsapuri berperkhidmatan dan unit *small office, home office* (SOHO).

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Harga rumah[19] berkembang pada kadar yang lebih pantas, iaitu sebanyak 4.8% pada suku pertama 2023 (S4 2022: 3.9%) tetapi masih di bawah purata jangka panjang tahun 2015-2019 iaitu 5.3%. Selain keadaan pendapatan dan guna tenaga yang bertambah baik, pasaran perumahan memperoleh manfaat daripada pengecualian duti setem yang diberikan di bawah Inisiatif Pemilikan Rumah Malaysia.[20] Meskipun harga yang ditawarkan oleh penjual dalam pasaran sekunder[21] kekal tinggi, bakal pembeli semakin bijak dalam membuat keputusan pembelian berikutan peningkatan kadar faedah. Pelabur harta tanah yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan juga terus tertakluk pada had LTV yang lebih rendah, iaitu sebanyak 70%. Pemerhati pasaran menjangkakan faktor-faktor ini akan mengurangkan pertumbuhan harga rumah pada masa hadapan. Dalam pasaran primer, ketelusan harga rumah yang bertambah baik juga diperlukan bagi menangani inflasi buatan *(artificial inflation)* harga rumah, serta menggalakkan pelarasan selanjutnya pada bekalan perumahan dalam segmen harga yang lebih mampu milik.

[a] Angka awalan.

[18] Terdiri daripada unit telah siap yang tidak terjual dan unit tidak terjual yang sedang dalam pembinaan untuk unit kediaman, pangsapuri berperkhidmatan dan unit SOHO.

[19] Seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia.

[20] Inisiatif ini memberikan pengecualian penuh duti setem untuk pembeli harta tanah kali pertama yang membeli harta kediaman bernilai RM500,000 ke bawah hingga akhir tahun 2025. Selain itu, pembeli harta kediaman yang berharga antara RM500,000 dan RM1 juta boleh mendapatkan pengecualian duti setem sebanyak 75% di bawah inisiatif yang sama hingga 31 Disember 2023.

[21] Pasaran sekunder merujuk penjualan semula harta tanah sedia ada, bukannya jualan harta tanah baharu secara terus daripada pemaju (iaitu pasaran primer). Transaksi dalam pasaran sekunder mencakupi 79.4% daripada jumlah transaksi pada separuh pertama tahun 2023.

Harga rumah di semua negeri di Malaysia kekal jauh melebihi paras mampu milik kebanyakan isi rumah, dengan median harga rumah berbanding dengan median pendapatan[22] terus berada dalam julat 'sangat tidak mampu milik' pada 4.3 kali setakat akhir tahun 2022 (2020: 4.7 kali).[23] Ketidakmampuan memiliki rumah kekal sebagai penghalang utama isi rumah untuk mendapatkan pembiayaan rumah, dengan 86.1% pinjaman ditolak disebabkan oleh harga rumah yang tinggi (dan seterusnya nilai pinjaman) yang jauh di luar kemampuan kewangan mereka meskipun skim jaminan pinjaman disediakan.[24]

Bagi memastikan kemampanan pasaran perumahan dan keupayaan berterusan orang ramai untuk memiliki rumah, pembaharuan yang lebih luas dalam sektor ini kekal penting. Hal ini termasuk, antara lain:

- Mempercepat penubuhan pangkalan data perumahan bersepadu untuk perancangan dan peruntukan perumahan yang lebih selaras dengan pendapatan, ciri-ciri dan pilihan isi rumah;
- Memperkukuh keperluan terhadap pemaju untuk lebih telus berhubung dengan harga rumah yang dizahirkan/diiklankan dengan penzahiran diskaun/rebat secara berasingan bagi menambah baik proses membuat keputusan oleh bakal pembeli, pemaju serta pemberi pinjaman; dan
- Mempercepat pelaksanaan Akta Sewaan Kediaman (Residential Tenancy Act) bagi menggalakkan pasaran sewaan yang lebih rancak agar menjadi pilihan alternatif yang berdaya maju di samping pemilikan rumah oleh isi rumah.

---

[22] Berdasarkan pendekatan *Median Multiple,* seperti yang disarankan oleh Bank Dunia dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pendekatan ini mengambil kira nisbah median harga rumah kepada median pendapatan tahunan isi rumah. Sebuah rumah dikira 'mampu milik' jika harga rumah tidak melebihi 3 kali pendapatan tahunan.

[23] Walaupun tahap kemampuan berbeza-beza di seluruh negara, Melaka sebelum ini menyerlah sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang harga rumahnya berada dalam julat mampu milik pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak lagi berlaku apabila nisbah median harga rumah kepada pendapatan bagi Melaka pada tahun 2022 meningkat kepada melebihi 3 kali.

[24] Seperti Skim Rumah Pertamaku oleh Cagamas Berhad (tersedia sehingga akhir bulan Mac 2023) dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP).

Daya tahan isi rumah secara keseluruhan kekal utuh dalam keadaan tekanan kadar faedah dan kos sara hidup yang lebih tinggi. Namun, sesetengah segmen peminjam masih lemah

Kualiti peminjaman isi rumah kekal selaras dengan jangkaan bank-bank. Nisbah pinjaman terjejas isi rumah meningkat sedikit kepada 1.3% (Disember 2022: 1.2%) (Rajah 1.17) memandangkan sesetengah peminjam masih menghadapi tekanan kewangan dalam keadaan kos peminjaman yang lebih tinggi berikutan peningkatan kadar faedah. Hal ini lebih ketara bagi isi rumah yang pendapatan mereka masih belum pulih sepenuhnya selepas pandemik dan terus tertekan oleh kos sara hidup yang lebih tinggi.

Rajah 1.17: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen dalam Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Tidak ada bukti yang ketara mengenai kemunculan segmen kelemahan baharu dalam sektor isi rumah. Bahagian peminjaman isi rumah di bawah bantuan bayaran balik pinjaman kekal rendah (Jun 2023: 1.7%; Disember 2022: 1.9% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)). Pinjaman isi rumah yang baru distrukturkan semula atau dijadualkan semula juga kekal kecil, iaitu sebanyak RM3.4 bilion atau bersamaan dengan 0.15% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan IKP. Daripada jumlah ini, dedahan yang tidak pernah dicatatkan di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman hanya berjumlah RM1.2 bilion (atau 0.05% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan IKP), lantas menunjukkan bahawa segmen kelemahan baharu kekal terhad.

Seperti yang dijangka, terdapat lebih banyak insiden bayaran balik pinjaman tidak mengikut jadual yang dicatatkan pada pinjaman berkadar terapung berbanding dengan pinjaman berkadar tetap (Rajah 1.18). Hal ini didorong terutamanya oleh segmen kecil peminjam isi rumah mudah terjejas yang sebelum ini berada di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman atau sedang dalam proses penjadualan dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R). Bagi isi rumah yang sebelum ini atau pada masa ini tidak berada di bawah program tersebut, peningkatan bayaran balik pinjaman tidak mengikut jadual kekal rendah tanpa perbezaan jelas yang boleh diperhatikan dalam prestasi pinjaman berkadar terapung berbanding dengan pinjaman berkadar tetap. Peminjam berpendapatan lebih rendah, yang lebih mudah terjejas akibat masalah kewangan, sebahagiannya terlindung daripada kenaikan OPR kerana bahagian pinjaman berkadar tetap mereka yang lebih tinggi (54.4% daripada jumlah akaun pinjaman oleh peminjam berpendapatan lebih rendah), yang terdiri terutamanya daripada pinjaman kenderaan dan pembiayaan peribadi. Walau bagaimanapun, kira-kira 50% daripada peminjam berpendapatan lebih rendah juga mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun pinjaman berkadar terapung (lazimnya pinjaman perumahan) yang akan terkesan oleh perubahan pada OPR. Prestasi pinjaman berkadar terapung dalam kalangan peminjam berpendapatan lebih rendah telah menunjukkan kemerosotan yang lebih ketara pada separuh pertama tahun 2023, berbanding dengan keseluruhan peminjam isi rumah. Namun begitu, keseluruhan pinjaman terjejas dalam kalangan peminjam berpendapatan lebih rendah kekal rendah (Jun 2023: 1.3%; Disember 2022: 1.1%).

Rajah 1.18: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Tertunggak 3 Bulan Mengikut Pinjaman Berkadar Terapung dan Berkadar Tetap



Nota: Merujuk pinjaman tertunggak 3 bulan atau lebih.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Aset kewangan isi rumah terus berkembang pada separuh pertama tahun 2023 (4.6%; Disember 2022: 1.0%; purata 2015-2019: 6.1%), disokong oleh pertumbuhan simpanan KWSP dan deposit (Rajah 1.19). Khususnya, simpanan KWSP dalam kalangan isi rumah terus meningkat dengan stabil pada tahun 2023 berikutan tamatnya skim pengeluaran khas KWSP serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik.[25] Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh penilaian pemegangan ekuiti domestik yang lebih rendah pada tempoh yang sama. Secara keseluruhan, isi rumah terus memegang aset kewangan melebihi hutang, dengan nilai agregat aset kewangan kekal stabil pada 2.1 kali jumlah hutang isi rumah (Disember 2022: 2.1 kali; Disember 2019: 2.2 kali).

Rajah 1.19: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Tahunan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Keadaan ini terus menyokong daya tahan isi rumah secara keseluruhan walaupun terdapat segmen kelemahan yang berlarutan seperti yang dinyatakan di atas.

Pada masa hadapan, bank-bank kekal berwaspada terhadap kemerosotan selanjutnya dalam kualiti peminjaman isi rumah memandangkan cabaran berterusan yang dihadapi oleh peminjam dalam segmen mudah terjejas dan berisiko lebih tinggi. Walau bagaimanapun, sebarang kemerosotan dijangka berada dalam lingkungan peruntukan dan penampan modal sedia ada bank-bank. Bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan sebagai Tahap 2 (dikenal pasti mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi) terus bertambah baik (Jun 2023: 4.6%; Disember 2022: 6.7%). Hal ini sebahagian besarnya mencerminkan pengelasan semula bahagian peminjam isi rumah yang lebih besar daripada Tahap 2 kepada Tahap 1 selepas mendapati rekod prestasi pembayaran balik pinjaman yang konsisten (sekurang-kurangnya 6 hingga 12 bulan) apabila keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman. Keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan bantuan yang terus tersedia untuk peminjam berdaya maju akan terus memberikan sokongan kepada keupayaan membayar balik hutang secara keseluruhan. Bilangan peminjam baharu yang mendaftar dalam Program Pengurusan Hutang oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan jumlah kes muflis berdaftar serta pemfailan petisyen kekal rendah pada separuh pertama tahun 2023.

[25] Pada separuh pertama tahun 2023, KWSP mencatatkan jumlah caruman sebanyak RM50.48 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 16.8% daripada RM43.23 bilion pada separuh pertama tahun 2022, dan peningkatan sebanyak 30.6% daripada RM38.66 bilion yang dicatatkan pada separuh pertama tahun 2019.

RISIKO OPERASI

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dari segi operasi meskipun berdepan cabaran

Institusi kewangan terus membuat pelaburan sumber yang besar dalam menguruskan risiko berkaitan teknologi dan siber. Dalam tempoh separuh pertama tahun 2023, institusi kewangan terus memajukan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan penipuan kewangan yang lebih mantap untuk melindungi pelanggan mereka daripada penipuan perbankan dalam talian, sejajar dengan arahan Bank pada bulan September 2022.[26] Berikutan pelancaran Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC)[27] pada bulan Oktober 2022, institusi kewangan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan undang-undang kini mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap akaun keldai[28] yang digunakan bagi memudahkan penipuan kewangan. Maklumat segera yang diperoleh daripada mangsa melalui talian penting *(hotline)* 997 juga telah membantu usaha mengesan aktiviti penipuan yang disyaki dalam akaun keldai. Sejak bulan Oktober 2022, lebih 40,000 akaun keldai telah ditumpaskan oleh institusi kewangan, lantas menyukarkan lagi penipu untuk melakukan fraud dan penipuan kewangan. Memandangkan akaun keldai dikendalikan dengan kerjasama pemilik akaun yang kebiasaannya dibayar, akaun keldai sukar dikenal pasti jika tiada insiden fraud yang dilaporkan. Oleh itu, kesedaran orang awam mengenai risiko yang wujud, termasuk pendakwaan jenayah, ke atas individu yang sengaja membenarkan akaun banknya digunakan untuk aktiviti penipuan kewangan, merupakan keutamaan penting untuk melindungi sistem kewangan dan orang ramai daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

Institusi kewangan dijangka terus memantau ancaman yang sedang berkembang dan memastikan bahawa perkhidmatan digital mereka mampu menghadapi serangan berbentuk baharu yang ditujukan kepada infrastruktur IT dan/atau peranti pelanggan mereka. Berikutan peningkatan penggunaan perkhidmatan awan untuk perkhidmatan yang sangat penting, dokumen dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) juga telah dikemas kini pada 1 Jun 2023 untuk menyertakan kehendak tambahan mengenai pengurusan risiko perkhidmatan awan bagi institusi kewangan. Secara berasingan, kajian berfokus yang sedang dilaksanakan terhadap amalan keselamatan Application Programming Interface (API) dalam institusi kewangan dijangka meningkatkan lagi kawalan siber industri. Bank Negara Malaysia juga sedang meningkatkan usaha pengawasan risiko siber melalui pengenalan set Penunjuk Risiko Utama (Key Risk Indicators, KRI) Siber[29] untuk menambah baik pemantauan dan mengenal pasti bidang tumpuan *(hotspot)* risiko dalam industri. Maklumat ancaman beragregat yang relevan kemudiannya dikongsi semula dengan industri melalui Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform, FinTIP).[30]

Institusi kewangan juga terus mencapai kemajuan dalam menyelaraskan operasi perniagaan dengan matlamat alam sekitar dan kelestarian. Di samping mengurangkan risiko kewangan yang berkaitan, usaha-usaha ini sangat penting untuk menguruskan risiko undang-undang dan reputasi yang semakin meningkat. Setakat bulan Februari 2023, sebanyak 41 kumpulan kewangan (atau 62% kumpulan kewangan) yang terdiri daripada entiti perbankan dan insurans/takaful telah mengumumkan sasaran sifar bersih atau neutral karbon. Bagi mencapai matlamat ini, institusi kewangan melaksanakan langkah-langkah untuk menyelaraskan strategi

[26] Bagi perincian mengenai langkah-langkah penting tambahan untuk mengukuhkan lagi perlindungan terhadap penipuan kewangan, sila rujuk pengumuman Gabenor BNM ketika pelancaran Pameran Jenayah Kewangan secara maya pada 26 September 2022.

[27] NSRC ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menangani kes penipuan siber yang semakin meningkat di Malaysia. Pusat ini merupakan usaha sama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre, NFCC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi.

[28] Akaun keldai ialah akaun bank yang pemiliknya membenarkan penjenayah memegang atau memindahkan wang yang diperoleh secara haram.

[29] Bank-bank konglomerat terpilih dikehendaki melaporkan KRI Siber mereka kepada Bank pada setiap suku tahun, mulai suku kedua tahun 2023.

[30] FinTIP ditubuhkan oleh Bank pada tahun 2021 sebagai platform risikan dan kerjasama untuk menangani ancaman siber bagi industri kewangan. Platform ini memudahkan pengumpulan, pengagregatan, analisis dan perkongsian maklumat ancaman siber daripada pelbagai sumber yang dipercayai.

perniagaan dan memenuhi jangkaan yang ditetapkan oleh Bank dalam dokumen dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (Climate Risk Management and Scenario Analysis). Usaha ini termasuk mempertingkatkan pertimbangan pelaburan dan pemberian pinjaman untuk mengambil kira kesan terhadap alam sekitar serta mempelbagaikan penyelesaian kewangan hijau yang merangkumi bantuan kepada pelanggan untuk beralih kepada amalan yang lebih lestari.

Menangani keperluan data dan pembinaan keupayaan dalam pengurusan risiko iklim kekal sebagai keutamaan yang berterusan bagi institusi kewangan untuk mencapai matlamat iklim, menyokong aktiviti peralihan dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan *greenwashing* secara berkesan. Usaha kerjasama melalui persatuan dan forum industri dapat membantu menangani isu-isu ini. Selain tumpuan yang berterusan untuk meningkatkan ketekalan sistem pengelasan di bawah Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-Based Taxonomy, CCPT),[31] baru-baru ini Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) telah menubuhkan Kumpulan Fokus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kumpulan Fokus ini memudahkan pendekatan yang lebih berfokus dan bersasar dalam meningkatkan kesedaran, mengurangkan kos peralihan untuk memperoleh sijil hijau dan memudahkan penzahiran yang lebih baik oleh PKS. Selain itu, JC3 juga terus menyokong pelaksanaan projek rintis hijau awal dan beberapa inisiatif pasaran modal untuk mengembangkan kewangan lestari dan kewangan peralihan.

Sistem pembayaran dan penyelesaian terus berdaya tahan

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS)[32] dan sistem pembayaran runcit (*retail payment systems,* RPS) utama terus berdaya tahan tanpa insiden siber yang dikesan pada separuh pertama tahun 2023. Dalam tempoh itu, Bank Negara Malaysia dan Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet), masing-masing selaku pengendali sistem pembayaran RENTAS dan RPS utama terus mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan lagi keupayaan pengurusan ancaman dan pertahanan siber. Hal ini termasuk tindakan berterusan untuk mengemas kini dan menguji pelan kesinambungan perniagaan *(business continuity plan)* di bawah pelbagai senario ancaman siber.

Susulan pengiktirafan Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP) sebagai Sistem Pembayaran yang Ditetapkan (Designated Payment System, DPS) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang berkuat kuasa pada 10 Februari 2023, RPP berjaya dinaik taraf dan seterusnya meningkatkan kapasiti operasi dan prestasi keseluruhannya untuk menyokong trend pemindahan kredit yang semakin meningkat. RPP juga terus menyokong pembayaran rentas sempadan yang semakin meningkat dengan pelancaran jalinan rentas sempadan dengan Singapura pada 31 Mac 2023. Pelancaran ini menandakan pengaturan dua hala yang ketiga bagi pembayaran secara QR, berikutan kejayaan kerjasama dengan Thailand dan Indonesia, masing-masing pada bulan Jun 2021 dan Januari 2022.

[31] Rujuk rencana bertajuk 'Perkembangan Pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) dalam Sektor Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2022 BNM untuk maklumat lanjut.

[32] RENTAS ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan depositori untuk sekuriti hutang tanpa skrip.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

25 Sektor Perbankan
36 Sektor Insurans dan Takaful

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Bank-bank terus mengekalkan penampan mudah tunai yang kukuh

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) (Rajah 2.1) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) (Rajah 2.2) agregat bank-bank secara amnya kekal stabil dan melebihi paras minimum pengawalseliaan, masing-masing pada 154.4% dan 117.0% pada akhir bulan Jun 2023 (Disember 2022: masing-masing pada 151.5% dan 118.2%). Hal ini disokong oleh sejumlah besar aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets,* HQLA) yang dipegang oleh bank-bank (Jun 2023: RM744.3 bilion, Disember 2022: RM753.2 bilion). Sebahagian besar daripada HQLA ini adalah dalam bentuk penempatan dengan bank pusat dan bon kerajaan yang boleh dicagarkan dalam pasaran antara bank atau dengan Bank untuk mendapatkan mudah tunai tambahan semasa tempoh tekanan. Selanjutnya, semua bank terus mempunyai akses kepada kemudahan tersedia dan Kemudahan Mudah Tunai Komited Terhad (Restricted Committed Liquidity Facility, RCLF)[1] dengan Bank untuk memenuhi keperluan mudah tunai. Bagi memperkukuh standard pengurusan mudah tunai semua bank, Bank telah menerbitkan kertas cadangan prinsip-prinsip jangkaan penyeliaan yang sedia ada serta yang dipertingkatkan mengenai pengurusan risiko mudah tunai oleh bank-bank bagi perundingan pada bulan Ogos 2023. Prinsip-prinsip tersebut memerlukan bank-bank untuk menilai dedahan mereka terhadap risiko mudah tunai secara berterusan serta memastikan tersedianya rangka kerja pengurusan mudah tunai yang teguh dan komprehensif, termasuk pelan pendanaan luar jangka, bagi menguruskan keperluan mudah tunai di bawah pelbagai senario tekanan.

[1] RCLF diperkenalkan oleh Bank pada tahun 2016 untuk membolehkan bank-bank mendapatkan mudah tunai untuk tempoh melebihi 1 bulan daripada Bank. Institusi perbankan yang berhasrat untuk menggunakan RCLF akan dikenakan kadar kemudahan tetap dan akan dikehendaki untuk menetapkan sekumpulan sekuriti layak tanpa halangan yang akan mencukupi untuk menyokong jumlah saiz RCLF.

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank-bank mencatatkan pertumbuhan deposit yang kukuh sebanyak 5.9% (Rajah 2.3) dengan individu dan perniagaan terus membentuk sebahagian besar daripada asas pendanaan (masing-masing pada 36.3% dan 32.9% daripada jumlah deposit). Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, keutamaan pendeposit beralih semula kepada deposit tetap dengan tempoh yang lebih panjang untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik. Kesannya, komposisi deposit tetap (termasuk Murabahah Komoditi) meningkat sehingga hampir separuh daripada jumlah deposit sistem perbankan, menghampiri tahap sebelum pandemik (49.5%; purata 2015-2019: 51.2%) (Rajah 2.4). Keadaan ini telah meningkatkan tahap kestabilan pendanaan bank-bank. Peningkatan bahagian deposit tetap yang mendapat pulangan yang lebih baik, bersama-sama dengan kenaikan secara beransur-ansur OPR, telah meningkatkan kos pendanaan untuk bank-bank dengan purata kos pendanaan meningkat sebanyak 40 mata asas kepada 2.85% antara bulan Disember 2022 hingga Jun 2023 (Rajah 2.5). Persaingan deposit kekal tinggi tetapi telah menurun dalam beberapa bulan kebelakangan ini dengan beberapa bank telah menyemak semula kadar yang dipaparkan dan kadar promosi ke tahap yang lebih rendah dalam keadaan penampan mudah tunai yang kukuh. Terbitan Bil Antara Bank BNM (Bank Negara Interbank Bills, BNIB) oleh Bank seharusnya menggalakkan lagi penentuan harga yang lebih baik dalam pasaran pendanaan antara bank, sekali gus menyokong pengurusan mudah tunai yang cekap oleh bank-bank.

Setakat ini, kadar pendanaan yang lebih tinggi tidak mendorong keadaan kredit menjadi ketat secara menyeluruh. Pemberian pinjaman bank kepada isi rumah dan perniagaan berkembang pada kadar yang kukuh (+4.4%; Disember 2022: +5.7%) (Rajah 2.6). Kadar pinjaman purata berwajaran bagi pinjaman perniagaan dan runcit baharu meningkat pada kadar yang lebih sederhana berbanding dengan tempoh sebelumnya dengan persaingan yang sihat diperhatikan dalam kalangan bank-bank. Kadar ini telah menurun bagi beberapa segmen pinjaman perniagaan dan isi rumah (Jadual 2.1).

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kos Dana Purata dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pinjaman Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.1: Kadar Pinjaman Purata Berwajaran (ALR) bagi Pinjaman Baru (%; julat)

Segmen	2021	2022	Jun 2023
Perniagaan[1,2]	3.89 – 4.76	4.91 – 5.60	4.86 – 5.89
Isi rumah[3]	3.06 – 6.73	4.01 – 7.64	4.19 – 8.96

[1] Purata bergerak 3 bulan digunakan untuk agregat dan sektor berkaitan perniagaan bagi menangani turun naik data.
[2] Pinjaman perniagaan hanya mengambil kira pinjaman yang diberikan kepada perusahaan perniagaan domestik.
[3] Pinjaman isi rumah hanya mengambil kira pinjaman yang diberikan kepada individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada dedahan terhadap rakan niaga luar kekal terurus meskipun ringgit menurun nilai

Hutang luar negeri sistem perbankan meningkat sebanyak RM18.9 bilion kepada RM415.4 bilion pada separuh pertama tahun 2023 (Rajah 2.7). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya kesan penilaian semula yang didorong oleh penurunan nilai ringgit, khususnya pada suku kedua tahun 2023. Tanpa mengambil kira kesan penilaian semula ini, pinjaman luar negeri bersih bank-bank menurun pada separuh pertama tahun 2023 berikutan keadaan mudah tunai mata wang asing (*foreign currency,* FCY) domestik yang secara relatif kekal stabil. Hal ini telah mengurangkan keperluan bagi bank-bank untuk mendapatkan pembiayaan FCY daripada pasaran antara bank antarabangsa. Pada masa yang sama, peminjaman dalam kumpulan *(intragroup borrowings)* yang telah matang oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC) turut menyumbang kepada penurunan peminjaman antara bank. Risiko keseluruhan yang berkaitan dengan hutang luar negeri bank-bank kekal rendah. Sebahagian besar (79.2%; Disember 2022: 78.3%) jumlah dedahan hutang luar negeri sistem perbankan masih disumbangkan oleh dedahan kepada rakan niaga berkaitan atau dalam bentuk hutang jangka panjang yang stabil. Sebahagian besar peminjaman FCY antara bank, iaitu komponen terbesar bagi hutang luar negeri bank, diperoleh daripada syarikat induk atau anak syarikat luar negeri, sekali gus mengehadkan risiko pelanjutan *(rollover risk)* atau risiko pengeluaran.

Rajah 2.7: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank-bank terus kekal berdaya tahan terhadap risiko FX. Risiko daripada ketidakpadanan FCY, seperti yang diukur oleh kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position,* FX NOP) keseluruhan terus kekal terurus pada 3.8% daripada jumlah modal (Disember 2022: 3.4%, purata 2020-2022: 4.2%) meskipun volatiliti pasaran meningkat pada tempoh tersebut (Rajah 2.8). Bank-bank juga mengekalkan penampan aset mudah tunai FCY yang besar, mencukupi untuk menampung hingga 2.4 kali (Disember 2022: 2.6 kali) jumlah hutang luar negeri FCY berisiko *(debt-at-risk)*[2] (Rajah 2.9). Selain itu, kira-kira satu perlima daripada jumlah hutang luar negeri sistem perbankan adalah dalam denominasi ringgit, lantas terlindung daripada volatiliti kadar pertukaran (Rajah 2.10).

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Mata Wang dan Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset kekal terurus dalam keadaan penamatan program bantuan bayaran balik pinjaman

Prospek risiko kredit bank-bank terus bertambah baik pada separuh pertama tahun 2023. Bahagian pinjaman yang dikelaskan di bawah Tahap 2 terus menurun dan kini berada di bawah paras sebelum pandemik pada 7.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Rajah 2.11). Pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman juga menurun berikutan sebahagian besar peminjam yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman dapat menyambung semula dan mengekalkan bayaran balik pinjaman secara berkala (Rajah 2.12). Pinjaman yang baru distrukturkan atau dijadualkan semula pada tempoh tersebut kekal rendah, menunjukkan ruang kelemahan baharu yang terhad. Sejajar dengan hal ini, peningkatan dalam pinjaman tertunggak berada dalam lingkungan jangkaan bank-bank. Walaupun kadar faedah dan tekanan kos yang lebih tinggi boleh meningkatkan tekanan kewangan pada sesetengah peminjam, peningkatan keseluruhan dalam pinjaman terjejas adalah sederhana. Nisbah pinjaman terjejas kasar meningkat sedikit kepada 1.8% daripada jumlah pinjaman (Rajah 2.13). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh sebilangan kecil peminjam runcit dan PKS yang mudah terjejas serta mempunyai penampan tunai yang lebih kecil dan terus menghadapi keadaan perniagaan yang mencabar. Meskipun bank-bank tidak menjangka peningkatan kelemahan bayaran balik pinjaman secara meluas, mereka tetap berwaspada dalam memantau peminjam berisiko tinggi susulan kesan daripada kadar faedah dan kos sara hidup yang lebih tinggi serta persekitaran operasi yang mencabar yang terus menimbulkan risiko terhadap pinjaman terjejas dalam jangka sederhana. Peminjam yang dijangka lebih berisiko termasuk isi rumah berpendapatan rendah, firma dalam sektor pembinaan dan sektor yang bergantung pada eksport serta syarikat korporat yang lebih besar dengan kelemahan kewangan yang sedia ada. Dedahan bank-bank kepada pemaju harta tanah di China adalah kecil. Oleh itu, keadaan ini tidak menimbulkan kebimbangan yang berpunca daripada tekanan pasaran harta tanah di China baru-baru ini. Dedahan ini hanya mencakupi 0.1% daripada jumlah pinjaman dan bon serta dilindungi dengan baik oleh penampan peruntukan bank-bank.

[2] Hutang luar negeri berisiko bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan, yang dianggap lebih terdedah pada kejutan pengeluaran secara mendadak.

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Bahagian Pinjaman bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman



Nota: Mulai 1 Januari 2023, data penjadualan dan penstrukturan semula yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini bagi mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada peringkat agregat, nisbah perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan (termasuk rizab pengawalseliaan) berada pada 115.8% (Disember 2022: 118.6%) (Rajah 2.14). Beberapa bank telah mengubah suai model peruntukan dalaman mereka untuk memasukkan kesan COVID-19 terhadap peminjam yang lebih terjejas akibat pandemik. Bank-bank kekal berhemat dalam menghadapi perubahan ini dan tidak mencerminkan kesan daripada langkah-langkah sokongan sementara yang dilaksanakan semasa pandemik. Kesan ini jika dicerminkan boleh menyebabkan kadar pinjaman mungkir dan kadar kerugian terkurang anggar. Keseluruhan peruntukan sistem perbankan kekal mampan melebihi paras purata yang pernah dicatatkan sebelum pandemik pada 1.6% daripada jumlah pinjaman (Disember 2022: 1.7%; purata tahun 2015-2019: 1.3%). Penggunaan pertimbangan pengurusan *(management overlay)* kekal meluas dalam kalangan bank-bank untuk mengambil kira ketidaktentuan dalam persekitaran operasi semasa, khususnya bagi peminjam berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, kos kredit tahunan kekal rendah disebabkan oleh tahap penampan peruntukan sedia ada yang tinggi dan kini telah kembali kepada purata yang diperhatikan sebelum pandemik (Rajah 2.15).

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman (Termasuk Rizab Pengawalseliaan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pendapatan bank-bank yang sederhana disebabkan oleh margin faedah bersih yang semakin kecil

Keuntungan sistem perbankan terus meningkat tahun ke tahun tetapi lebih rendah berbanding dengan separuh kedua tahun 2022 (Rajah 2.16). Keuntungan terus disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman meskipun terdapat sedikit pemampatan dalam margin faedah disebabkan oleh kos pendanaan yang lebih tinggi. Pendapatan perdagangan dan pelaburan yang mampan juga menyokong keuntungan bank-bank. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, bank-bank telah meningkatkan pemegangan dalam bon kerajaan, khususnya untuk tempoh lebih panjang yang melebihi lima tahun untuk meraih manfaat daripada kadar hasil yang lebih tinggi (Jun 2023: 10.1% daripada jumlah aset sistem perbankan; purata 2015-2019: 6.8%). Pemegangan bon kerajaan yang lebih tinggi telah mendedahkan bank-bank kepada risiko kadar faedah yang lebih tinggi.[3] Walau bagaimanapun, bank-bank terus menguruskan risiko ini secara aktif dalam had toleransi risiko yang ditetapkan. Hampir separuh daripada bon kerajaan yang dibeli dalam tempoh ini juga dipegang pada kos terlunas *(amortised cost)* (Jun 2023: 48.9%; purata 2015-2019: 16.7%). Hal ini telah membantu mengurangkan turun naik kedudukan modal bank-bank dalam persekitaran kadar faedah yang lebih tinggi.

Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung Sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST1 2022 dan ST1 2023.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pulangan atas aset dan ekuiti sistem perbankan masing-masing menurun kepada 1.3% dan 11.6% (Disember 2022: masing-masing pada 1.4% dan 12.3%). Penilaian pasaran terhadap bank-bank yang tersenarai, seperti yang diukur oleh nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book,* P/B) dan nisbah harga kepada perolehan (*price-to-earnings,* P/E), menunjukkan nisbah yang lebih rendah, masing-masing kepada 0.8 dan 9.7 (Rajah 2.17). Hal ini berikutan ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan prospek pertumbuhan ekonomi dan perkembangan pasaran kewangan yang menjejaskan keadaan pembiayaan untuk bank-bank. Meskipun bank-bank terus mempunyai keuntungan dan penampan yang kukuh, penilaian pasaran telah menurun ke paras di bawah purata sebelum pandemik sejak akhir bulan Mac. Hal ini disebabkan oleh kebimbangan limpahan daripada tekanan sistem perbankan di beberapa ekonomi maju serta prospek pertumbuhan global yang kurang optimistik.

[3] Risiko kadar faedah dalam akaun perbankan (*interest rate risk in the banking book*, IRRBB) mencerminkan risiko semasa atau risiko dijangka terhadap modal dan perolehan bank yang timbul daripada pergerakan negatif dalam kadar faedah yang menjejaskan kedudukan akaun perbankan bank. IRRBB diukur sebagai peratusan modal bank-bank (Jun 2023: 7.6%, Disember 2022: 7.0%).

Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank yang Tersenarai dalam Pasaran Saham Malaysia



Nota: Merujuk median nisbah semua bank yang tersenarai dalam pasaran saham Malaysia.

Sumber: Bloomberg

Pada masa hadapan, persaingan deposit yang semakin sengit untuk menyokong pertumbuhan pinjaman boleh memberikan tekanan yang selanjutnya terhadap kos pendanaan bank-bank. Kos pendanaan juga boleh meningkat apabila bank-bank terus mengambil kira kenaikan kadar dasar terkini. Peralihan jangkaan pelabur terhadap dasar monetari ekonomi utama dan volatiliti yang terhasil dalam pasaran bon global boleh mendedahkan bank-bank kepada risiko kadar faedah dan FX yang lebih tinggi, lantas menjejaskan pendapatan perdagangan dan pelaburan bank-bank. Sebaliknya, bank-bank menjangkakan kualiti aset akan terus menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada yang dijangkakan sebelumnya. Bank-bank juga mempunyai jumlah penampan yang besar yang terkumpul sebelum dan semasa pandemik yang akan terus mengurangkan sebarang kesan buruk terhadap keuntungan daripada perkembangan pasaran.

Bank-bank mengekalkan penampan modal yang kukuh untuk menyerap kerugian yang tidak dijangka dan menyokong pengantaraan kredit

Jumlah nisbah modal sistem perbankan kekal kukuh pada 18.5% daripada jumlah aset berwajaran risiko (Disember 2022: 19.0%). Penampan modal sistem perbankan melebihi paras minimum pengawalseliaan berjumlah RM138.5 bilion (Rajah 2.18). Tahap permodalan yang kukuh terus menyokong keupayaan bank-bank untuk menyerap kerugian yang tidak dijangka dan memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi, meskipun pada tempoh kemerosotan ekonomi. Penampan modal yang besar juga telah membolehkan bank-bank mengekalkan pembayaran dividen, yang seterusnya menyokong pulangan bagi simpanan isi rumah yang dipegang melalui dana institusi yang besar seperti KWSP, Permodalan Nasional Berhad dan Lembaga Tabung Haji. Penampan modal bank-bank juga disokong oleh keuntungan penilaian semula daripada sekuriti yang dikelaskan sebagai nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income,* FVOCI) apabila pasaran bon domestik menjadi stabil. Meskipun dengan episod tekanan dalam sektor perbankan global baru-baru ini, bank-bank domestik masih melihat pembelian berterusan untuk terbitan modal mereka baru-baru ini, dalam pasaran primer dan pasaran sekunder. Terbitan modal Kumpulan 1 Tambahan (Additional Tier 1, AT1) dan Tahap 2 oleh bank-bank pada separuh pertama tahun 2023 berjumlah RM1.7 bilion (Disember 2022: RM1.7 bilion).

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal sebanyak 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berdasarkan penilaian terkini Bank menggunakan serahan data akhir tahun 2022, senarai kumpulan perbankan yang ditetapkan sebagai bank-bank domestik yang penting dari segi sistemik (*domestic systemically important banks,* D-SIB) dan keperluan penyerapan kerugian yang lebih tinggi (*higher loss absorbency,* HLA) masing-masing kekal tidak berubah (Jadual 2.2). Semua D-SIB terus mengekalkan nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1) yang melebihi paras minimum pengawalseliaan, termasuk keperluan HLA.

Jadual 2.2: Keperluan HLA untuk D-SIB

D-SIB	Keperluan HLA (% daripada aset berwajaran risiko
Malayan Banking Berhad	1.0
CIMB Group Holdings Berhad	
Public Bank Berhad	0.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri kekal terhad

Keuntungan operasi kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group,* DBG) di luar negeri menurun pada separuh pertama tahun 2023. Situasi ini mencerminkan keadaan dasar monetari yang lebih ketat di beberapa negara utama tempat mereka beroperasi (Rajah 2.19). Keadaan ini berlaku terutamanya di Singapura dan Thailand apabila pasaran pendanaan tempatan terus mengambil kira kenaikan kadar faedah yang dilaksanakan pada tahun 2022. Kedua-dua pasaran ini mencakupi 61% daripada jumlah operasi bank-bank Malaysia di luar negeri mengikut saiz aset (Rajah 2.20). Namun begitu, keuntungan daripada operasi luar negeri terus disokong oleh pendapatan faedah bersih yang mampan berikutan pertumbuhan pinjaman yang bertambah baik (Jun 2023: 10.1%; Disember 2022: 9.1%). Bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman di kebanyakan negara juga menurun (Jun 2023: 1.7% daripada jumlah pinjaman operasi luar negeri; Disember 2022: 2.0%). Trend bayaran balik pinjaman juga bertambah baik di kebanyakan negara, lantas menyebabkan kualiti aset yang kekal baik (Rajah 2.21). Setakat ini, risiko kredit daripada operasi luar negeri DBG diuruskan dengan baik dalam persekitaran tekanan inflasi dan dasar monetari yang lebih ketat. Nisbah pinjaman terjejas dijangka bertambah baik secara beransur-ansur apabila peminjam yang masih berada dalam program bantuan bayaran balik pinjaman berjaya memulihkan kedudukan kewangan mereka dan keluar daripada program tersebut.

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: 1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.21: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Operasi Luar Negeri



Nota: Purata nisbah pinjaman terjejas kasar diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko mudah tunai yang berpunca daripada operasi luar negeri DBG juga kekal terhad. Semua operasi luar negeri yang utama terus mengekalkan sumber pendanaan yang stabil, yang sebahagian besarnya terdiri daripada deposit yang stabil (Rajah 2.22) dan kekal mematuhi keperluan pengawalseliaan di negara operasi. Selain itu, syarikat subsidiari di luar negeri terus mengekalkan penampan modal yang besar untuk menyerap kerugian yang tidak dijangka tanpa bergantung pada sokongan syarikat induk (Rajah 2.23). Secara kolektif, faktor-faktor ini akan mengehadkan risiko penularan daripada operasi luar negeri terhadap bank-bank domestik di Malaysia.

Rajah 2.22: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.23: Sistem Perbankan – Nisbah Jumlah Modal Operasi Luar Negeri



Nota: Purata nisbah jumlah modal diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Keuntungan agregat bagi dana insurans dan takaful bertambah baik berikutan prestasi pengunderaitan yang lebih baik

Keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga secara keseluruhan bertambah baik pada separuh pertama tahun 2023, sebahagian besarnya disebabkan oleh prestasi pengunderaitan yang lebih baik (Rajah 2.24). Keuntungan ini juga disokong oleh pendapatan pelaburan yang berterusan dan keuntungan tidak direalisasi daripada penyusutan kadar hasil bon, walaupun keuntungan ini sebahagiannya diimbangi oleh prestasi ekuiti yang lebih lemah.

Rajah 2.24: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan



Nota: 1. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.
2. Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pengunderaitan yang bertambah baik ini sebahagian besarnya mencerminkan bayaran manfaat bermusim yang lebih rendah bagi polisi yang telah matang dan bayaran manfaat berhak yang biasanya diperhatikan pada separuh tahun pertama. Walau bagaimanapun, penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators,* ITO) terus mencatatkan kerugian pengunderaitan bersih, didorong oleh bayaran perubatan dan serahan yang terus meningkat (ST1 2023: RM7.4 bilion; ST2 2022: RM6.8 bilion; ST1 2022: RM5.7 bilion).

Bayaran perubatan yang lebih tinggi ini disebabkan oleh kadar penggunaan rawatan perubatan yang semakin meningkat, dan kemasukan ke hospital yang lebih tinggi yang berkaitan dengan penyakit pernafasan dan penyakit berjangkit. Kos tuntutan purata untuk produk insurans yang berkaitan dengan kemasukan ke hospital dan pembedahan turut meningkat berdasarkan data yang diserahkan oleh beberapa ITO sebagai sebahagian daripada aktiviti penentuan semula harga mereka yang dirancang pada tahun 2023 untuk menambah baik kemampanan portfolio insurans dan takaful perubatan. Bagi memastikan kemampuan dan hasil yang adil kepada pemegang polisi, ITO dijangka mengurangkan kuantum penentuan semula harga, sama ada dengan melaksanakan pelarasan premium[4] secara berperingkat sepanjang beberapa tahun atau beralih kepada kitaran penentuan semula harga yang lebih pendek dengan kuantum pelarasan yang lebih kecil. Langkah ini akan mengurangkan tekanan kewangan jangka pendek pada pemegang polisi dan membolehkan perancangan kewangan yang lebih baik.

Premium perniagaan baharu terus mencatatkan pertumbuhan positif (Rajah 2.25). Selepas diselaraskan mengikut faktor trend bermusim, premium baharu untuk perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga berkembang sebanyak 2.4% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan pengambilan pelan manfaat perubatan kendiri dan pelan manfaat pekerja secara

Rajah 2.25: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Merujuk premium insurans dan caruman takaful, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

berkelompok, sebahagiannya disokong oleh inisiatif untuk meluaskan perlindungan kewangan kepada individu yang berpendapatan lebih rendah. Sebaliknya, premium perniagaan baharu berkaitan pelaburan mencatatkan penurunan berbanding dengan separuh pertama tahun 2022, mencerminkan ketidakpastian yang lebih tinggi dalam prospek pelaburan.

Bagi dana insurans dan takaful am, keuntungan operasi pada separuh pertama tahun 2023 mengalami penurunan (Rajah 2.26), didorong oleh penyusutan ketara keuntungan pengunderaitan yang dilaporkan. Penurunan ini disebabkan oleh tuntutan bersih yang lebih tinggi daripada segmen kebakaran dan motor. Risiko berkaitan iklim terus memberikan kesan terhadap ITO am dari segi kewangan. Hal ini berpunca terutamanya daripada kejadian banjir yang cenderung untuk berlaku pada penghujung tahun dan ada masanya berlarutan sehingga tahun baharu. Akibatnya, tuntutan berkaitan banjir yang dilindungi di bawah polisi kebakaran memberikan kesan yang ketara terhadap prestasi pengunderaitan ITO, terutamanya dalam suku pertama dan keempat tahun tersebut. Beberapa tuntutan kebakaran yang besar turut menyumbang kepada tuntutan yang lebih tinggi yang dicatatkan sepanjang tempoh ini. Dalam segmen motor, tuntutan terus meningkat daripada paras rendah yang dicatatkan semasa pandemik, selaras dengan peningkatan mobiliti. Walau bagaimanapun, prestasi pelaburan yang bertambah baik, bersama-sama dengan pertumbuhan premium yang berterusan (Rajah 2.27), telah membantu memperkukuh keuntungan ITO am.

Rajah 2.26: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.27: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



Nota: Data untuk marin, udara dan transit termasuk segmen luar pesisir berkaitan minyak.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar yang lebih tinggi dan syarat pengunderaitan yang lebih ketat dalam pasaran insurans semula global terus mendorong persekitaran pasaran yang sukar semasa pembaharuan kontrak insurans semula baru-baru ini. Pemerhati pasaran menjangka keadaan ini akan berterusan hingga tahun 2024. Penanggung insurans semula turut menyatakan kehendak berhubung dengan disiplin pengunderaitan yang lebih kukuh oleh ITO am berikutan hasil yang kurang menggalakkan daripada kontrak perjanjian insurans semula domestik sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Meskipun keadaan ini memberikan sedikit tekanan terhadap margin pengunderaitan dalam segmen perniagaan tertentu, kesan keseluruhan terhadap kedudukan kewangan ITO am kekal rendah. Keadaan ini disokong oleh penentuan harga umum yang berdisiplin dalam kalangan ITO, amalan pengunderaitan yang berhemat dan lebihan modal yang mencukupi. Syarat-syarat insurans semula yang lebih ketat tidak memberikan kesan yang ketara terhadap perlindungan atau premium yang berkaitan dengan produk peribadi, meskipun portfolio komersial[5] yang mengalami kerugian telah mencatatkan peningkatan premium yang kecil. Industri insurans/takaful am juga kelihatan mempunyai kapasiti untuk menyokong aktiviti peralihan iklim, dengan beberapa ITO menyediakan perlindungan untuk risiko berkaitan penjanaan tenaga solar dan teknologi bersih. Keadaan ini digalakkan lagi dengan pelaksanaan CCPT dalam sektor kewangan.

[5] Terutamanya untuk kelas pembinaan berisiko tinggi (kelas 2 dan 3 di bawah tarif kebakaran) yang terdiri daripada bangunan yang dibina dengan perkadaran bahan mudah terbakar yang lebih tinggi.

Pada bulan Jun 2023, Bank menerbitkan dokumen dasar yang disemak semula mengenai Kawalan Kos Operasi untuk Perniagaan Insurans dan Takaful Am. Perubahan yang dibuat sebahagian besarnya bertujuan menambah baik ketekalan dalam penerapan keperluan pengawalseliaan dan memberikan fleksibiliti operasi tambahan kepada ITO untuk menguruskan struktur kos mereka yang diterima pakai oleh ejen dan pengantara lain. Perubahan ini dijangka tidak memberikan kesan yang ketara kepada ITO am dari segi persaingan atau kewangan, memandangkan kawalan utama yang diterapkan kepada segmen perniagaan utama masih dilaksanakan di bawah dokumen dasar yang disemak semula.

Bank terus memantau rapi perkembangan dalam pelarasan kadar premium berikutan liberalisasi tarif motor dan kebakaran, untuk memastikan sebarang pelarasan (menaik atau menurun) tidak mewujudkan gangguan pasaran yang boleh menjejaskan akses kepada perlindungan atau memberikan kesan yang tidak seimbang kepada segmen populasi yang dilindungi. Hampir semua ITO am, yang mewakili bahagian pasaran gabungan sebanyak 98% daripada jumlah pendapatan kasar premium motor dan kebakaran, kini sedang beroperasi di bawah Fasa 2A pelan hala tuju liberalisasi.[6] Pelarasan harga oleh ITO ini terus dilakukan secara berperingkat dan lebih mencerminkan profil risiko dasar. Dalam sesetengah subsegmen motor, kadar premium kekal berada di bawah paras harga teknikal (berdasarkan pengalaman kerugian) untuk mengekalkan kemampuan membeli perlindungan insurans/takaful. Pembaharuan yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan ketelusan dan menangani penipuan dalam sektor insurans motor dan pembaikan akan terus menjadi sangat penting untuk menyelaraskan harga dan risiko dengan lebih baik, dan pada masa yang sama memastikan kemampanan jangka panjang perlindungan insurans motor untuk semua segmen pendapatan.

Dengan berkuat kuasanya Kontrak Insurans Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standard, MFRS) 17 pada 1 Januari 2023,[7] Bank terus memantau kesan standard perakaunan baharu ini terhadap industri. Berdasarkan kaji selidik terkini[8] Bank terhadap ITO, kesan agregat daripada perubahan pengukuran dan pelaporan di bawah MFRS 17 terhadap ITO hayat dan keluarga sebahagian besarnya adalah positif, manakala kesan terhadap ITO am adalah lebih neutral. Secara keseluruhan, bagi hasil kewangan sepanjang tahun 2022, jumlah keuntungan tahunan bersih selepas cukai dan ekuiti pemegang saham yang dilaporkan bagi ITO hayat dan keluarga di bawah MFRS17 meningkat masing-masing sebanyak 15.2% dan 62.7%. Bagi ITO am pula, metrik ini telah meningkat sebanyak 3.8% dan 3.4% berbanding dengan hasil di bawah MFRS4 (Rajah 2.28). Kesan perubahan ini adalah lebih pelbagai untuk

Rajah 2.28: Perbandingan Keuntungan Bersih Selepas Cukai dan Ekuiti Pemegang Saham pada Tahun 2022 bagi ITO Susulan Penggunaan MFRS 17



Nota: Berdasarkan data terkumpul melalui tinjauan Bank yang meliputi 40 daripada 48 ITO langsung.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] ITO yang memenuhi jangkaan dan kehendak Bank mengenai pembaharuan terhadap ekosistem tuntutan motor akan diberikan fleksibiliti penentuan harga yang lebih besar secara berperingkat untuk produk insurans/takaful motor dan kebakaran di bawah dua fasa, iaitu Fasa 2A, diikuti dengan Fasa 2B.

[7] Kontrak Insurans MFRS17 mengandungi olahan perakaunan yang lebih komprehensif untuk kontrak insurans dan takaful serta akan menggantikan Kontrak Insurans MFRS4.

[8] Kaji selidik tersebut meliputi 40 penanggung insurans hayat dan am langsung serta pengendali takaful keluarga dan am langsung daripada sejumlah 48 ITO.

ITO hayat dan keluarga, memandangkan hasil kewangan di bawah model pengukuran MFRS17 bergantung pada jangka masa kontrak, margin keuntungan pada permulaan kontrak dan ciri-ciri penyertaan kontrak insurans. Elemen-elemen ini boleh berbeza dengan ketara antara setiap ITO hayat dengan keluarga, bergantung pada strategi perniagaan mereka. Sebaliknya, bagi ITO am, hasil kewangan pada amnya serupa dengan hasil yang dilaporkan di bawah MFRS4 disebabkan oleh jangka masa yang lebih pendek bagi kontrak yang diunderait. ITO tidak menjangkakan perubahan terhadap hala tuju atau strategi perniagaan mereka dalam jangka pendek berikutan penerapan MFRS17, namun mereka menjangkakan untuk berada pada kedudukan yang lebih baik bagi mempertimbangkan pelarasan atau peralihan yang relevan kepada strategi perniagaan mereka untuk tahun-tahun akan datang, apabila pelaksanaan standard tersebut menjadi lebih matang.

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan, disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh. Nisbah kecukupan modal agregat bagi industri ini adalah sebanyak 225% pada akhir bulan Jun 2023, jauh melebihi paras minimum pengawalseliaan sebanyak 130% (Rajah 2.29). Penampan modal agregat yang melebihi keperluan pengawalseliaan juga kekal kukuh pada RM38.8 bilion.

Rajah 2.29: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada masa hadapan, ITO akan terus terdedah pada volatiliti pasaran kewangan berikutan pelaburan bon dan ekuiti mereka yang agak besar. Keadaan ini juga mungkin terus memperlahankan pertumbuhan perniagaan baharu daripada polisi berkaitan pelaburan. Tekanan menaik yang berterusan terhadap kos perubatan juga dijangka memberikan kesan kepada keuntungan keseluruhan ITO, walaupun ITO menjangka pertumbuhan keseluruhan dalam segmen ini akan terus memperoleh manfaat daripada kesedaran yang lebih tinggi tentang keperluan insurans. Pertimbangan risiko berkaitan iklim dijangka menjadi lebih penting disebabkan oleh kesan daripada tuntutan berkaitan iklim yang lebih tinggi dan kemungkinan perubahan dalam kapasiti insurans semula.

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST1 2021	ST2 2021	ST1 2022	ST2 2022	ST1 2023*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	18.6	19.2	18.4	19	18.5
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.4	16	15.2	15.8	15.4
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.9	15.5	14.7	15.2	14.8
Pulangan atas Aset[1]	1.1	1.1	1.3	1.4	1.3
Pulangan atas Ekuiti[1]	9.7	9.5	11.8	12.3	11.6
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	149.1	153.4	148.3	151.5	154.4
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih[2]	1.0	1.1	1.1	1.1	1.1
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.0	0.9	0.9	0.9	1.0
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	4.4	3.8	4.1	3.4	3.8
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.3	1.3	1.3	1.2	1.2
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	221.1	221.0	224.4	225.5	224.5
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)[3]	0.6	2.2	-2.8	5.5	6.1
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	11.8	10.5	12.3	10.8	12.6
Nisbah Kecukupan Modal	207.9	210.7	217.3	216.4	215.8
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.8	1.3	1.0	2.1	1.3
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	1.3	0.7	0.4	1.2	0.2
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	10.8	10.8	12.1	12.1	12.9
Nisbah Tuntutan	52.7	56.5	63.8	52.0	60.7
Nisbah Kecukupan Modal	270.9	256.6	246.2	249.5	247.7
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	1,338.6	1,376.4	1,409.1	1,451.4	1,481.0
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,896.0	2,971.3	2,901.9	3,002.0	3,036.0
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	89.6	88.9	84.4	81.0	81.9
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	216.3	215.9	205.9	206.8	205.0
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	145.8	144.0	137.5	135.4	133.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bank)[2]	1.2	1.1	1.3	1.2	1.3
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bukan Bank)[4]	1.5	1.0	1.1	1.1	1.3
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	2.2	2.5	2.7	2.5	2.1
Pulangan atas Ekuiti	4.1	4.2	4.6	4.5	3.4
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	22.7	22.9	22.0	22.5	20.6
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	7.0	7.3	7.9	6.5	5.5
Margin Operasi	7.6	7.4	7.7	6.9	6.0
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan[2]	2.9	2.8	3.0	2.8	2.8
Institusi Kewangan Pembangunan[5]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	6.2	3.6	3.0	1.3	2.4
Deposit Digembleng (% perubahan)	7.5	1.4	2.3	3.9	1.8
Nisbah Pinjaman Terjejas	5.5	4.8	5.4	5.5	5.9
Pulangan atas Aset	1.3	1.1	1.0	1.1	1.2

[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti dan diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik.
[2] Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
[3] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[4] Berdasarkan pinjaman tertunggak 3 bulan atau lebih.
[5] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&P Capital IQ.

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST1 2021	ST2 2021	ST1 2022	ST2 2022	ST1 2023*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	1,139,095.2	1,191,622.4	1,236,239.2	1,316,121.5	1,343,223.8
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	35.1	35.5	35.5	36.3	36.2
Jumlah Pembiayaan[1]	841,507.2	879,159.0	915,901.3	974,383.5	993,226.8
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	41.5	42.3	43.0	44.5	44.7
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	933,749.8	968,918.4	1,001,104.9	1,058,671.8	1,075,999.2
Jumlah Deposit[1]	820,390.9	844,293.4	865,763.1	926,471.6	933,153.2
Jumlah Akaun Pelaburan[1]	113,358.9	124,625.0	135,341.8	132,200.2	142,845.9
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	39.7	39.8	40.2	41.6	41.6
	%				
Nisbah Jumlah Modal	18.4	19.2	18.3	18.9	18.2
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.8	15.5	14.5	15.5	14.8
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.3	15.0	14.0	14.8	14.1
Pulangan atas Aset	1.3	1.1	1.2	1.3	1.0
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	0.9	0.9	1.0	1.0	1.1
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	43,223.1	45,803.0	46,780.0	49,864.4	52,464.9
Keluarga	38,272.5	40,258.9	41,182.8	43,645.1	45,972.0
Am	4,950.6	5,544.1	5,597.2	6,219.4	6,492.9
% daripada industri insurans dan takaful	12.3	12.6	13.2	13.4	13.7
Pendapatan Sumbangan Bersih	7,189.0	6,614.6	8,588.5	7,715.3	8,973.5
Keluarga	5,776.3	5,093.2	6,886.3	5,853.9	7,053.3
Am	1,412.8	1,521.5	1,702.1	1,861.4	1,920.2
% daripada industri insurans dan takaful	21.9	19.4	24.3	21.6	24.8
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	4,682.1	3,817.5	5,439.9	4,618.9	5,225.6
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	1,861.7	1,966.4	2,229.5	2,407.2	2,679.0
Nisbah Tuntutan (%)	51.8	50.7	60.0	61.0	64.3

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia